

**KESAN PERKHEMAHAN PENDIDIKAN LUAR
TERHADAP KESEPADUAN
KUMPULAN**

**MAZUKI BIN MOHD YASIM
D20012009756**

**PROGRAM PENDIDIKAN SAINS SUKAN
FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK
MAC 2005**

**KESAN PERKHEMAHAN PENDIDIKAN LUAR
TERHADAP KESEPADUAN
KUMPULAN**

Oleh

MAZUKI BIN MOHD YASIM

Pensyarah Penyelia/Penasihat

EN. MD AMIN BIN MD TAFF

Penulisan Ilmiah Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Ketetapan
Kursus KSS 4103 Latihan Ilmiah Bagi Memperolehi
Ijazah Sarjanamuda Pendidikan Sains Sukan di Jabatan Sains Sukan
Fakulti Sains Sukan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim Perak Darul Ridzuan
Mac, 2005

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumber rujukannya.

.....
(MAZUKI BIN MOHD YASIM)

D20012009756

.....
(TARIKH)

PENGESAHAN

Latihan ilmiah ini telah diluluskan untuk memenuhi kursus KSS 4103 bagi
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Sukan,
Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.

.....
(EN. MD AMIN B. MD TAFF)

Pensyarah Penyelia kursus Latihan Ilmiah KSS 4103
Program Pendidikan Sains Sukan
Fakulti Sains Sukan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Rizuan
MAC 2005

PENGESAHAN

Latihan ilmiah ini telah diluluskan untuk memenuhi kursus KSS 4103 bagi
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Sukan,
Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.

.....
(DR. ONG KUAN BOON)

Pensyarah Penyelaras kursus Latihan Ilmiah KSS 4103
Program Pendidikan Sains Sukan
Fakulti Sains Sukan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Rizuan
MAC 2005

DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI PENGASIHANI
SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W.

Ku titipkan dedikasi teristimewa....

Buat Ayahanda dan Bonda,

Yang dikasihi **HAJI MOHD YASIM BIN SULONG** dan **HAJJAH JARAH BINTI MUDA....**mengenang perit jerihmu dalam meredah kepayahan dan menyusun langkah serta ketabahan kalian dalam mendidik ku ,akhirnya anakmu berjaya menempuh dugaan dan cabaran bagi mengatur langkah kehidupan yang lebih sempurna sepanjang 'perjalanan' ini. Keringatmu itu melahirkan rasa insaf kepadaku. Aku sungguh bertuah kerana memilikimu berdua...

Buat Kakanda-kakandaku yang dihormati,

Semangat kalian semua telah memberikan dorongan kepadaku dalam menempuh hidup yang kian mencabar. Bersabarlah..aku akan tetap mengingati jasa dan budi kalian semua.

Buat yang dikasihi,

Salwani binti Hassan...Sokongan yang kau berikan merupakan 'bara' yang kian menyemarakkan semangatku...

Buat Pensyarah yang disanjung,

En. Md Amin bin Md Taff...Jasa mu tetap ku kenang.. Nasihat dan teguran yang diberikan akan ku jadikan pedoman. Terima kasih kerana sanggup menjadi 'guru' dan 'rakan' yang sanggup berkongsi cerita suka dan duka. Redhailah Ilmu yang kuperolehi. Segala pengorbanan mu menguatkan semangatku untuk terus berusaha dengan gigih bagi mencapai cita-cita. Nasihat mu tetap terpahat di ingatan selamanya.

BuatMu Ilahi,

Tiada kata yang lebih indah selain aku bersyukur kepadaMu. Aku tertunduk syukur, limpah dan kurniaMu, menginsafi diriku, Semoga RahmatMu sentiasa melingkari hidupku...Amin.

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha mengasihani”. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia, **En. Md Amin bin Md Taff** selaku ‘guru’ saya yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehinggalah kajian ini dapat disempurnakan. Saya juga berterima kasih di atas kesabaran dan kesungguhan beliau semasa membimbing saya dan rakan-rakan. Sesungguhnya dorongan dan panduan yang beliau berikan amatlah berguna dan berharga.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Ong Kuan Boon selaku penyelia dan penyelaras Kursus Latihan Ilmiah KSS 4103, Fakulti Sains Sukan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya Fakulti Sains Sukan kerana memberi kebenaran menjalankan kajian dan tidak lupa para subjek yang terlibat di dalam kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberi bantuan dan pandangan. Akhir sekali saya abadikan ucapan penghargaan ini khas buat keluarga yang di sayangi yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta insan yang sentiasa di sisi. Hanya Allah yang dapat membalas budi dan jasa baik kalian.

Mazuki bin Mohd Yasim,
Ijazah Sarjanamuda Pendidikan Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Dedikasi	v
Penghargaan	vi
Senarai jadual	x
Senarai rajah	xii
Abstrak	xiv
Bab I	
Pendahuluan.	1
Pendidikan luar di Malaysia	2
Pendidikan luar di UPSI	3
Pernyataan masalah	4
Kepentingan kajian	4
Objektif kajian	5
Persoalan kajian	5
Batasan / Skop kajian	6
Bab II	
Sorotan literatur	8
Pendidikan luar	9
Definisi pendidikan luar	9
Fokus pendidikan luar	10
Perkhemahan dan kesannya	14
Pendidikan luar di UPSI	16
Teori kajian	18
Kajian lampau	19
Rumusan bab	22

Bab III

Metodologi kajian	24
Rekabentuk kajian	24
Kerangka konseptual	25
Pembolehubah kajian	26
Instrumen kajian	27
Sampel kajian.	28
Prosedur kajian	
a. Kebenaran menjalankan kajian	29
b. Pentadbiran ujian pra	29
c. Pemerhatian dan penglibatan pengkaji	30
d. Pentadbiran ujian pasca.	30
e. Pentadbiran ujian pasca lanjutan	30
Kaedah pengumpulan data	31
Penganalisan data	31

Bab IV

Penganalisan Data.	32
Latar belakang responden..	33
Persoalan kajian 1	45
Keputusan	45
Persoalan Kajian 2	46
Umur	47
Jantina	48
Kelayakan Akademik	49
Pengalaman dalam bidang rekreasi	50
Lokasi tempat tinggal	52
Persoalan Kajian 3	53
Keputusan keseluruhan	53
Persoalan Kajian 4	54
Keputusan keseluruhan	54

Kesimpulan	55
Bab V	
Perbincangan	
Persoalan kajian 1	56
Persoalan Kajian 2	59
Umur	59
Jantina	60
Kelayakan Akademik	61
Pengalaman dalam bidang rekreasi	62
Lokasi tempat tinggal	63
Persoalan Kajian 3	65
Persoalan Kajian 4	66
Kesimpulan dan rumusan.	68
Cadangan	
Pra kem	70
Kem perkhemahan	70
Pasca kem	71
Rujukan	72
Lampiran A: Surat Kebenaran Mengedar Borang Soal Selidik	77
Lampiran B: Borang Soal selidik	78
Lampiran C: Tentatif Program Kem Orentasi Pendidikan Luar 2004/05	79

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1. Skala lima pemeringkatan	28
2. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut umur	33
3. Ke kerap an dan peratusan respond mengikut jantina	34
4. Ke kerap an dan peratusan respond mengikut bangsa	35
5. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut agama	36
6. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut lokasi tempat tinggal.	37
7. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut status perkahwinan.	38
8. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut pekerjaan sebelum melanjutkan pelajaran ke UPSI.	39
9. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut kelayakan akademik.	40
10. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut pengalaman dalam bidang pendidikan luar.	41
11. Ke kerap an dan peratusan responden mengikut pengalaman	

	mengajar.	42
12.	Kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi kampus pengajian.	44
13.	Keputusan ujian-t mengenai perbandingan keberkesanan ujian pra dan pasca.	45
14.	Keputusan Ujian ANOVA satu hala - Perbandingan ujian pra dan pasca bagi umur responden.	47
15.	Keputusan Ujian ANOVA satu hala - Perbandingan ujian pra dan pasca bagi jantina responden.	48
16.	Keputusan ujian ANOVA satu hala-Perbandingan ujian pra dan pasca bagi faktor kelayakan akademik.	49
17.	Keputusan ujian ANOVA satu hala – Perbandingan ujian pra dan pasca bagi faktor pengalaman dalam pendidikan luar.	50
18.	Keputusan ujian ANOVA satu hala - Perbandingan ujian pra dan pasca bagi faktor lokasi tempat tinggal responden.	52
19.	Keputusan Ujian t Sampel Tidak Bersandar – Perbandingan skor min dan sisihan piawai responden UPSI dan PKPG bagi ujian pra dan pasca.	53
20.	Keputusan perbandingan kekerapan dan peratusan bentuk program atau aktiviti yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan.	54

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1. Model pembelajaran berasaskan pengalaman.	10
2. Model Fokus Pendidikan Luar.	11
3. Model Teori Penglibatan dalam Pendidikan Luar.	19
4. Model kerangka konseptual dari kesepaduan kumpulan.	25
5. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut umur.	34
6. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina.	35
7. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa.	36
8. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut agama.	37
9. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi tempat tinggal.	38
10. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut status perkahwinan.	39
11. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut status pekerjaan.	40
12. Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut kelayakan	

	akademik.	41
13.	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman dalam bidang rekreasi.	42
14.	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar.	43
15.	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi kampus pengajian.	44
16.	Perbandingan min ujian pra dan pasca terhadap faktor kesan Perkhemahan Pendidikan Luar terhadap kesepaduan kumpulan.	46
17.	Taburan perbandingan min ujian pra dan pasca bagi faktor jantina.	49
18.	Perbandingan skor min ujian pra dan pasca bagi faktor pengalaman dalam bidang pendidikan luar.	51

Abstrak Latihan Ilmiah yang dikemukakan Kepada Jabatan Sains Sukan, Fakulti
Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai memenuhi keperluan
kursus KSS 4103 Latihan Ilmiah

ABSTRAK
**KESAN PERKHEMAHAN PENDIDIKAN LUAR TERHADAP KESEPADUAN
KUMPULAN**

Oleh :

Mazuki bin Mohd Yasim

Mac, 2005

Pensyarah Penyelia : En. Md Amin bin Md Taff
Jabatan : Jabatan Sains Sukan
Fakulti : Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan perkhemahan pendidikan luar dan pemboleh ubah demografi (umur, jantina, kelayakan akademik, pengalaman rekreasi dan lokasi tempat tinggal) yang mungkin mempengaruhi terhadap kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar semester satu ambilan Jun 2004/05, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Seramai 103 (n=103) orang peserta perkhemahan Kem Orentasi Pendidikan Luar telah di pilih sebagai responden bagi kajian ini. Mereka terdiri daripada 75 orang peserta lelaki dan 28 orang peserta perempuan. Kajian dijalankan berbentuk deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik pra dan pasca. Data-data ditafsirkan secara min, peratusan, ujian-t tidak bersandar dan ujian ANOVA sehala. Keputusan kajian menunjukkan Kem Perkhemahan Pendidikan Luar memberikan kesan signifikan yang positif terhadap kesepaduan kumpulan ujian pra dan pasca dijalankan. Faktor demografi jantina dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi dapatan kajian. Selain itu, kajian ini juga mendapati aktiviti 'team building' adalah merupakan aktiviti yang paling mendorong kepada kesepaduan kumpulan pelajar.

BAB I

Pendahuluan

Dewasa ini program-program yang berbentuk aktiviti luar telah mendapat perhatian masyarakat. Kelab-kelab atau persatuan semakin kerap menganjurkan program atau aktiviti luar. Kementerian Belia dan Sukan khususnya “Bahagian Rakan Muda” memperuntukkan belanjawan yang besar untuk aktiviti-aktiviti rekreasi seperti mendaki gunung, berkayak, berakit, kembara alam dan sebagainya (Masrina, 2000). Sebagai contoh, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah mengubah modul pembelajarannya yang sebelum ini dijalankan secara dua peringkat di kem dan di institusi pengajian tinggi. Perubahan pusat pembelajaran kepada kem perkhemahan secara keseluruhannya menunjukkan terdapat nilai yang tinggi yang akan diperolehi daripada aktiviti perkhemahan. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, dalam ucapannya menegaskan, ciri-ciri utama remaja yang mampu untuk membawa negara ini mencapai status negara maju ialah kekukuhan perpaduan, mempunyai perwatakan yang baik, mempunyai nilai murni dan mempunyai matlamat hidup yang besar (Hatta, 2005).

Walau bagaimanapun, pelbagai persoalan timbul tentang kesan dan faedah yang diperolehi daripada pendidikan luar. Pengakuan masyarakat terhadap pendidikan luar masih belum sama. Bahkan banyak kajian yang dijalankan tidak menunjukkan perkembangan hasil yang signifikan (Leberman, 1989; Mackay, 1981; Paxton & McAvoy, 2000; petikan dari Shepard & Speelman, 1986; m.s. 5).

Pusat Perkembangan Kurikulum (1989; petikan dari Abu Bakar Sidek, 2004) telah menggariskan Falsafah Pendidikan Luar sebagai:

“Alam semulajadi merupakan sebuah makmal hidup yang kaya dengan sumber ilmu. Ia boleh digabungkan dengan amalan yang boleh

memperkayakan pengalaman dan memupuk nilai-nilai murni bagi melahirkan individu yang sihat dari segi mental, rohani dan jasmani dalam usaha mewujudkan integrasi di kalangan masyarakat ke arah kesepaduan nasional”.

Pendidikan luar pada asasnya boleh didefinisikan sebagai penggunaan sumber-sumber luar daripada bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan (Knapp, 1990). Ianya adalah merupakan suatu aktiviti yang menarik yang mana ia boleh dijalankan dengan pelbagai aktiviti seperti rekreasi, aktiviti sosial dan aktiviti ibadah selain untuk pendidikan. Dalam dunia pendidikan ia disifatkan sebagai merentas kurikulum.

Selain itu pendidikan luar juga merupakan salah satu media yang membekalkan pembelajaran melalui pengalaman. Perkara ini turut diakui oleh Meier dan Mitchell (1993), yang menyatakan bahawa pendidikan luar termasuklah semua jenis pengalaman yang meningkatkan pengetahuan, tingkah laku atau kemahiran luaran dan membantu membuatkan kita lebih menghargai. Selain itu aktiviti pendidikan luar juga menghasilkan pengalaman yang membolehkan interaksi dan mengetahui persekitaran alam semulajadi (Brookes, 1994).

Pendidikan Luar di Malaysia

Di Malaysia pendidikan luar dijadikan sebagai satu medium untuk masyarakat mendekati diri dengan alam. Perkara ini terbukti apabila pendidikan luar mendapat tempat dalam ruang pendidikan di Malaysia. Sebagai contoh, Maktab Perguruan Ilmu Khas mengadakan pengkhususan pendidikan jasmani kepada guru-guru pelatih pada tahun 1960-an. Terdapat mata pelajaran pendidikan luar yang diajar kepada pelatih di mana aktiviti perkhemahan termasuk dalam sukatan pelajarannya (Abdul Alwi, 1992).

Seterusnya kegiatan pendidikan luar berkembang di kalangan pelatih maktab perguruan di seluruh Malaysia pada tahun-tahun berikutnya. Pada akhir tahun 1970-an, kursus pendidikan luar telah mula diperkenalkan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM), apabila Program Pendidikan Jasmani dan Kesihatan diwujudkan di Fakulti Pengajian Pendidikan (Abdul Alwi, 1992).

Disekitar tahun 1970-an, pendidikan luar mula diaplikasikan di sekolah-sekolah melalui kegiatan pendidikan jasmani dan kegiatan ko-kurikulum. Namun begitu kegiatan ini kurang menyerlah disebabkan kurangnya pengalaman dan pengetahuan di kalangan guru dalam mengendalikan perkhemahan yang bermakna dan memberi manfaat kepada pelajar (Kamal, 1997).

Ekoran dari itu, pada 1990-an kesedaran tentang kepentingan pendidikan luar terus meningkat di kebanyakan universiti yang menjalankan Program Pendidikan Jasmani atau Sains Sukan. Keadaan ini berkemungkinan bagi melahirkan guru yang mampu mendidik pelajar bukan sahaja dari aspek jasmani tetapi aspek rohani.

Pendidikan Luar di UPSI

Jika dilihat dari sudut perkembangan pendidikan luar di Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah merupakan salah sebuah daripada Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia yang turut menjalankan Kursus Pendidikan Luar sebagai matapelajaran wajib kepada pelajar major dan minor kursus Pendidikan Sains Sukan. Oleh kerana itu, kajian ini meninjau sejauh manakah kesan perkhemahan Pendidikan Luar terhadap kesepaduan dalam kumpulan pelajar di UPSI.

Pernyataan Masalah

Terdapat pelbagai reaksi terhadap kesan penglibatan individu dan kumpulan di dalam aktiviti pendidikan luar terutama yang melibatkan aktiviti yang lasak seperti berkayak, aktiviti tali, meredah hutan dan sebagainya. Ada yang berpendapat aktiviti sebegini tidak perlu dilakukan kerana menyebabkan pelajar terbabit menghadapi risiko terdedah kepada kecederaan dan ancaman-ancaman lain. Selain itu ramai yang berpendapat dan mengatakan menjalani aktiviti pendidikan luar akan mendedahkan pelajar kepada bahaya yang boleh mengundang kecederaan fizikal dan membuang masa tanpa memberi kesan positif kepada bakal guru (Isjoni, 2004).

Dalam konteks ini, di UPSI turut timbul isu berkaitan kesan program ini terhadap individu dan kumpulan pelajar. Sungguhpun begitu tidak kurang juga yang berpendapat bahawa dengan cara memberi pendedahan pelajar kepada pelbagai aktiviti dan persekitaran yang lasak dan cergas akan menghasilkan individu yang tahan lasak, tahan diuji dan bersedia menghadapi dugaan (Normar, 2000). Di atas kesedaran dan alasan inilah timbul minat yang mendalam bagi pengkaji untuk mengkaji dan meninjau sejauh mana kesan perkemahan Pendidikan Luar terhadap kesepaduan kumpulan pelajar di UPSI.

Kepentingan Kajian

Kajian ini akan melihat sejauh manakah kesan perkemahan Kem Orentasi Pendidikan Luar terhadap kesepaduan kumpulan pelajar major dan minor program sains sukan yang mengikuti kursus Pendidikan Luar di UPSI ambilan Jun 2004/05. Secara tidak langsung kajian ini juga akan membantu pelajar untuk menilai kesan perlaksanaan program-program dalam Kursus Pendidikan Luar terhadap individu dan kumpulan mereka.

Di samping itu kajian ini juga diharap dapat membantu pihak pentadbiran universiti untuk melihat kesan dan akibat proses pembelajaran dalam kursus pendidikan luar di UPSI terhadap kesepaduan dan hubungan sosial di kalangan pelajar. Selain itu ianya diharap dapat membantu pihak universiti bagi menstrukturkan semula kursus ini jika terdapat kekurangan supaya impak yang dihasilkan akan memberikan gambaran yang baik dan mendatangkan faedah yang maksima. Ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelek.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan terhadap pelajar kursus pendidikan luar Semester Pertama Sesi Ambilan Jun 2004 / 2005 ini mempunyai dua objektif utama iaitu:

1. Meninjau kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan pelajar .
2. Mengenal pasti faktor-faktor demografi yang paling dominan yang menyumbang kepada kesepaduan kumpulan pelajar.
3. Mengenal pasti program atau aktiviti yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan pelajar.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut

1. Sejauh manakah perbezaan Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI mendatangkan kesan kesepaduan kumpulan peserta:
2. Bagaimana kesepaduan dalam kumpulan pelajar Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI dipengaruhi oleh faktor-faktor demografi berikut:

2.1 Umur

- 2.2 Jantina
 - 2.3 Kelayakan akademik
 - 2.4 Pengalaman dalam bidang rekreasi
 - 2.5 Lokasi tempat tinggal
-
- 3. Adakah terdapat perbezaan kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar UPSI berbanding pelajar PKPG yang mengikuti Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI?

 - 4. Apakah bentuk program atau aktiviti (sekiranya wujud) yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan pelajar Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI?

Batasan / Skop Kajian

Kajian ini hanya terhad kepada pelajar yang mengambil kursus pendidikan luar di UPSI dan cawangan UPSI di Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) sahaja. Populasi yang dipilih adalah terdiri daripada seramai 103 orang pelajar yang akan mengikuti amali pendidikan luar KSS 1023. Sejumlah 85 orang pelajar adalah dari UPSI dan 18 orang pelajar dari kampus cawangan UPSI di IPDA. Sehubungan dengan itu dapatan kajian ini tidak sesuai digeneralisasikan kepada program-program pendidikan luar lain di Malaysia.

Pelajar-pelajar ini adalah merupakan individu yang berdaftar sebagai penuntut UPSI dan mengambil kursus Pendidikan Luar sebagai matapelajaran major atau minor. Sebahagian daripada mereka adalah bekas guru yang mengikuti Program Khas Pengijazahan Guru (PKPG). Oleh itu, berkemungkinan wujud perbezaan persepsi berkaitan kesepaduan kumpulan di antara pelajar bukan guru dengan pelajar PKPG kerana jarak umur yang jauh. Perbezaan umur ini dijangka turut memberi kesan terhadap dapatan kajian.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama dalam kaedah pengumpulan data. Dapatan yang diperolehi mungkin dipengaruhi oleh faktor sikap individu seperti tidak mahu bekerjasama, dendam dan sebagainya. Sehubungan dengan itu pengkaji yang berminat mengkaji dengan lebih lanjut kajian ini dicadangkan agar menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif, agar dapatan yang diperolehi lebih tepat mewakili responden.

Selain daripada itu, antara perkara yang dikenal pasti yang akan memberi kesan kepada hasil dapatan ialah pengaruh rakan terhadap rakan lain semasa menjawab soal selidik. Faktor ini juga diambil kira di dalam membuat kesimpulan terhadap hasil kajian yang akan diperolehi.

BAB II

Sorotan Literatur

Pendidikan luar boleh didefinisikan sebagai sebarang proses pengajaran dan pembelajaran yang merentasi pelbagai matapelajaran dan dijalankan samada di dalam atau di luar bilik kuliah (Ford, 1981). Ia merangkumi banyak subjek yang berkaitan secara langsung dengan alam persekitaran dan situasi hidup sebenar di luar bilik kuliah. Pendidikan luar menumpukan kepada penggunaan teknik pembelajaran secara 'hands-on', untuk mendapat pengetahuan. Buku bacaan perlu disokong dengan pengalaman agar pelajar dapat memahami isi kandungannya dengan lebih mudah. Maka ia merupakan suatu pendekatan pembelajaran bersifat realistik yang mengandungi elemen kognitif, psikomotor dan afektif yang berpusat kepada pelajar (Kraft, 1985 petikan dari Priest & Gass, 1997; m.s. 17).

Gabungan elemen kognitif, psikomotor dan afektif akan menyumbang kepada pembinaan penghargaan diri (self-esteem), ke arah pembentukan pelajar yang sihat mental dan fizikal (Edginton, 1998). Tokoh teori 'learning by doing' John Dewey (1939, petikan dari Brown, 1998) menyatakan wujud keperluan dan hubungan yang rapat antara pengalaman sebenar dan pendidikan. Selain itu, pendidikan luar membantu memperkembangkan fizikal yang diingini, mental, sosial dan semangat yang berkualiti (Meier & Mitchell, 1993).

Bagi memperjelaskan literatur yang berikutnya, bab ini akan dipecahkan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan berkaitan definisi pendidikan luar, fokus pendidikan luar dan aktiviti yang dijalankan dalam pendidikan luar. Bahagian kedua pula membincangkan tentang perkhemahan dan kesannya. Manakala bahagian terakhir akan melihat kajian lampau berkaitan kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan.

Pendidikan Luar

Pada masa kini pelbagai penulisan menegaskan yang konsep pendidikan luar adalah terdiri daripada aktiviti mencabar, aktiviti fizikal, aktiviti mengembara atau aktiviti persekitaran (Ford, 1986). Pendidikan luar adalah proses yang berasaskan pada aktiviti berstruktur yang mana menggunakan alam semulajadi atau persekitaran tiruan untuk menentukan kekuatan individu atau intrapersonal dan interpersonal kumpulan (Priest, 1990; petikan dari Hammersley, 1992; m.s. 63).


Definisi Pendidikan Luar

Secara umumnya terdapat pelbagai definisi tentang pendidikan luar. Pendidikan luar bermaksud pembelajaran di dalam dan di luar rumah. Ini bermakna tambahan dan pengkayaan kurikulum, menerusi pengalaman di luar (Smith, Carlson, Donaldson & Masters, 1972). Manakala Knapp (1990), mendefinisikan pendidikan luar sebagai penggunaan sumber di luar kelas untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan. Definisi lain menyatakan pendidikan luar adalah proses pengalaman iaitu pembelajaran dengan melakukan (Priest, 1986). Selain itu Gair (1997), mendefinisikan pendidikan luar sebagai meliputi sebarang aktiviti pendidikan dalam persekitaran terbuka samada di bandar atau di pedalaman.

Walau bagaimanapun definisi-definisi ini telah dikritik oleh pelbagai pihak. Ramai pengkaji percaya yang pendidikan luar tidak hanya tertumpu kepada alam semulajadi sahaja tetapi juga kawasan yang tertutup (Smith, Carlson, Donaldson et al, 1972; petikan dari Md Amin, 2003; m.s. 21).

Secara umumnya walaupun terdapat banyak percanggahan pendapat dan idea dalam mendefinisikan maksud sebenar pendidikan luar, ramai pengkaji

bersetuju yang proses pembelajaran pendidikan luar berlaku dalam model pembelajaran berasaskan pengalaman (Rajah I).



Rajah 1: Model pembelajaran berasaskan pengalaman (Kolb, 1984; petikan dari Priest & Gass, 1997; m.s 145).

Proses ini berlaku melalui pengalaman terus, diikuti oleh refleksi berpandu, mempromosikan perkembangannya secara menyeluruh dan seterusnya pertimbangan pemindahan pembelajaran yang sesuai dalam kehidupan (Kolb, 1984; petikan dari Priest & Gass, 1997; m.s 144).


Berdasarkan perbincangan dan kesemua definisi yang dikemukakan, dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan pengkaji mendefinisikan pendidikan luar sebagai satu pendekatan untuk mencapai objektif pembelajaran menerusi pengalaman melakukan sendiri di persekitaran terbuka atau semulajadi.

Fokus Pendidikan Luar

Pendidikan luar mempunyai sejumlah besar objektif, di antaranya termasuklah: untuk membantu individu hidup dalam keadaan harmoni dengan alam semulajadi, untuk memperkembangkan asas pemahaman di antara satu sama lain, untuk mempergunakan pendekatan disiplin ke arah pendidikan,

belajar menggunakan deria, belajar dalam makmal semulajadi dan untuk membangkitkan perasaan ingin tahu di kalangan pelajar (Hilmi & Kathleen, 1993)

Ramai pengkaji mencadangkan agar pendidikan luar terdiri daripada tiga gabungan komponen; (1) perkembangan personal dan sosial; (2) pendidikan cabaran; dan (3) pendidikan persekitaran (Ministry of Education, 1999c; Smith et al., 1972; William, 2001; petikan dari Md Amin, 2003; m.s. 26)



Rajah 2: Model Fokus Pendidikan Luar, adaptasi daripada Law (1998); petikan dari Md Amin, (2003); m.s. 27.

Perkembangan personal dan sosial menumpukan kepada peningkatan potensi holistik kemanusiaan, seperti penghargaan alam, pengalaman sosial dan keagamaan menerusi aktiviti pendidikan luar. Ianya juga turut mengajar tentang pemahaman tanggungjawab, menghormati orang lain, keyakinan diri dan rasa kejayaan. Sasaran fokus ini adalah bagi mempromosikan perkembangan holistik individu menerusi domain afektif, psikomotor dan domain kognitif yang kemudiannya boleh menyumbang kepada masyarakat dan negara. Selain itu fokus ini turut membantu membina konsep, penghargaan dan imej sendiri. Pembinaan kumpulan dan pembelajaran berasaskan pengalaman adalah

sebahagian daripada contoh aktiviti yang berkait dengan fokus perkembangan personal dan sosial (McRae, 1990).

Manakala dalam fokus pendidikan cabaran (adventure education), kombinasi risiko, cabaran dan kemahiran digunakan untuk menjana proses pembelajaran yang aktif di kalangan pelajar. Pendidikan cabaran adalah berkonsepkan program pendidikan luar yang mengandungi elemen situasi sebenar yang mana hasilnya tidak dapat dijangka dan boleh dipengaruhi oleh tindakan peserta (Ewert 1980; petikan dari Hayllar, 1990; m.s 55). Kesemua kriteria ini akan memotivasikan pelajar untuk melakar kejayaan dan pada masa yang sama meningkatkan pengalaman pembelajaran. Berkayak dan mendaki adalah antara contoh aktiviti bagi fokus pendidikan cabaran.

Menerusi fokus pendidikan persekitaran pula, pendidikan luar dilihat sebagai medium peningkatan sikap terhadap persekitaran. Salah satu kunci kepada konsep ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pelajar dan memahami kepentingan alam sekitar sebagai sebahagian daripada pengalaman manusia. Sebagai contoh, salah satu daripada aktiviti melalui fokus ini adalah galakan memperkembangkan deria kesedaran dan pembinaan konsep ekologi (Gough, 1990).

Dalam menjelaskan kajian ini, pengkaji akan menumpukan terhadap fokus perkembangan personal dan sosial pendidikan luar yang berkait secara langsung dengan kajian kesepaduan kumpulan yang sedang dijalankan. Seterusnya kajian ini akan melihat jenis-jenis aktiviti yang boleh meningkatkan perkembangan personal dan sosial. Menurut McRae (1990), penekanan utama dalam pelbagai program pendidikan luar, mampu meningkatkan perkembangan personal dan sosial peserta menerusi aktiviti yang mencabar. Kenyataan ini turut disokong oleh Link (1981; petikan dari McRae, 1990, m.s. 11), yang menjelaskan bahawa cabaran pendidikan luar memberikan inspirasi, menggalakkan pemerhatian, memperkembangkan nilai etika dan meningkatkan perspektif kemanusiaan. Ini

jelas menunjukkan bahawa melalui aktiviti yang mencabar, perkembangan personal dan sosial dapat ditingkatkan.

Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan perkembangan personal dan sosial individu. Menurut Schoel, Prouty dan Radcliffe (1988), aktiviti latihan kepercayaan mampu memperkembangkan perhatian, berani menghadapi risiko, wujud kesefahaman, kerjasama dan semangat berkumpulan. Menerusi aktiviti permainan pula berupaya meningkatkan deria keseronokan dan kerjasama. Manakala aktiviti latihan penyelesaian masalah boleh memperkembangkan inisiatif individu dan kumpulan, semangat, kebebasan dan persaingan. Selain itu aktiviti tali boleh menggalakkan kepercayaan, risiko dan kesefahaman. Aktiviti yang berasaskan ekspedisi menurut Schoel et al.(1988), menekankan hasil-hasil seperti yang telah dijelaskan dan menggalakkan peserta berada dalam intensiti pengalaman yang tinggi.

Walsh dan Golins (1986, petikan dari Fischer dan Attah, 2001; m.s. 110) memfokuskan tahap pertama pendidikan luar adalah persekitaran fizikal dan peningkatan penghargaan diri (self-esteem). Manakala tahap kedua difokuskan kepada pengurangan tingkahlaku sosial. Selain itu menurut Sibthorp (2003), penglibatan pelajar dan tindakbalas yang selaras adalah fungsi semulajadi akibat dari penggabungan tugas yang menarik dalam kumpulan yang saling menyokong membolehkan pelajar, belajar di antara satu sama lain. Crandall (1990), menjelaskan hubungan yang terbina semasa waktu kesenggangan dalam aktiviti luar adalah menyihatkan dan membantu individu secara fizikal dan emosi.

Aktiviti luar banyak membantu mengukuhkan hubungan dengan keluarga dan rakan-rakan, serta meningkatkan keyakinan diri. Steele (1999), menyokong kenyataan Crandall (1990), dengan menjelaskan bahawa menerusi aktiviti, kumpulan akan dicabar secara mental dan fizikal untuk bekerja bersama,

berkomunikasi dan menghormati bakat dan limitasi setiap individu dalam kumpulan.

Perkhemahan dan Kesannya

Perkhemahan secara umumnya didefinisikan sebagai kandungan komuniti manusia yang hidup bersama sebagaimana dirancang, dalam aturan pendidikan luar (Meier & Mitchell, 1993). Manakala Johnson (2003), menyatakan perkhemahan adalah perbuatan menggalas beg pada bahu, mendaki gunung, melihat dengan kedua-dua mata dan jiwa, panorama bukit dan lembah yang tiada penghujung. Mittelstaedt, Sanker dan VanderVeer (1999), pula mendefinisikan perkhemahan sebagai pengalaman yang mana pelajar tinggal di kem dan bermalam untuk dua hari atau lebih.

Perkhemahan biasanya melibatkan program pendidikan luar yang telah dirancang dengan menggunakan khemah bagi pencapaian objektif yang berkait dengan kurikulum sekolah (Hayllar, 1990). Sebahagian daripada individu berpendapat, perkhemahan membuka peluang untuk memisahkan diri daripada kesenangan dan kemewahan yang banyak terdapat dalam kehidupan masa kini. Selain itu, perkhemahan membolehkan individu merehatkan minda dalam alam persekitaran yang menyegarkan (Meier & Mitchell, 1993). Menurut Chenery (1994), pula, perkhemahan adalah sesuatu yang unik, pengalaman pendidikan positif yang memberikan sumbangan penting kepada individu dan pertubuhan. Ianya menyumbang kepada hasil yang berbeza daripada hasil yang dicapai di sekolah dan program-program rekreasi lain.

Walau bagaimanapun tidak semua individu mempunyai pandangan yang sama tentang perkhemahan. Individu yang tidak menyedari tentang kebaikan perkhemahan akan melihat perkhemahan dari sudut negatif. Melalui satu kajian yang dijalankan oleh Barry, Rachelle dan Jeremy (2003), menunjukkan bahawa peserta menolak untuk berbincang tentang pengalaman perkhemahan yang

mereka lalui. Mereka menganggap perkhemahan adalah sesuatu yang 'bodoh' dan 'membosankan'.

Pelbagai kesan samada positif atau negatif mungkin diperolehi daripada aktiviti perkhemahan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Barry, et al. (2003) menunjukkan peningkatan terhadap kepimpinan di kalangan peserta. Walaubagaimanapun kajian tersebut turut mendapati kewujudan persepsi negatif terhadap perkhemahan akibat sesetengah peserta tidak memahami konteks, tujuan, dan nilai perkhemahan.

Selain itu, menurut satu tinjauan yang dijalankan, perpaduan yang lebih kukuh sesama sendiri dapat dilihat melalui program perkhemahan yang dianjurkan oleh Pusat Ko Kurikulum Pulau Pinang di Sekolah Menengah Sains Sheikh Shahbuddin, Bukit Mertajam (Zul Husni, 2001).

Terdapat pelbagai faedah yang diperolehi daripada menjalankan program perkhemahan. Selain daripada perpaduan di kalangan pelajar, Hammerman, Hammerman dan Hammerman, (2001), menyatakan perkhemahan turut mewujudkan hubungan yang lebih erat di antara pelajar dan guru. Ini adalah kerana disebabkan suasana kelas (pendidikan luar), yang membolehkan wujudnya interaksi di antara keduanya. Selain itu menurut beliau lagi, sikap berdikari dapat dikembangkan apabila pelajar merasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

Chenery (1994), menyatakan hasil daripada perkhemahan meningkat kerana peserta berjauhan daripada keluarga dan televisyen, menjalani kehidupan yang ringkas dalam kumpulan kecil dengan 'role model' yang positif. Selain itu mereka berada di dalam persekitaran yang berstruktur dan menyokong ke arah pembelajaran menerusi aktiviti yang menarik yang memerlukan mereka untuk bekerjasama.

Berdasarkan dapatan beberapa kajian yang telah dijalankan, jelas menunjukkan aktiviti perkhemahan mempunyai nilai tersendiri dalam membentuk hubungan baik di kalangan peserta perkhemahan.

Pendidikan Luar di UPSI

Pendidikan luar di UPSI merupakan salah satu daripada matapelajaran yang wajib diikuti oleh setiap pelajar major dan minor Program Pendidikan Sains Sukan. Proses pengajaran dan pembelajaran dikendalikan oleh pensyarah serta Badan Fasilitator UPSI. Secara umumnya, pengendalian proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara 'hands-on' dan 'minds-on' di sekitar kampus dan diikuti dengan tiga program perkhemahan di luar kampus.

Matlamat pendidikan luar di UPSI adalah untuk membina dan mengekalkan keadaan mental, fizikal emosi dan sosial yang sihat serta melahirkan warganegara yang berpengetahuan luas, berdisiplin dan bersepadu. Oleh itu, pendidikan luar haruslah mempunyai serta mengandungi unsur-unsur pendidikan fizikal, etika dan perpaduan. Pendidikan Luar dalam konteks ini bertujuan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran yang menarik dan proaktif (Abu Bakar Sidek, 2004).

Objektif pendidikan luar di UPSI adalah bagi menghasilkan pembelajaran dan memperkayakan individu dalam domain psikomotor, kognitif dan afektif. Ia juga bertujuan menghasilkan tahap kemahiran, pengetahuan, keterampilan, dan minat terhadap aktiviti pendidikan luar. Selain itu pendidikan luar bertujuan memupuk dan menerapkan amalan nilai-nilai murni, menghargai kepentingan dan kejadian alam semulajadi serta membina kecerdasan fizikal, daya juang dan daya saing, kepimpinan serta sahsiah diri dan kumpulan (Abu bakar Sidek, 2004).

Program yang dijalankan semasa amali perkhemahan pendidikan luar adalah menumpukan kepada hubungan individu dan kumpulan terhadap alam persekitaran selaras dengan matlamat dan objektif pendidikan luar. Peserta didedahkan dengan aspek-aspek pengurusan perkhemahan, pengurusan alatan, keselamatan, kerohanian dan pengurusan risiko. Kesemua aspek-aspek ini didedahkan melalui aktiviti-aktiviti yang mesti dilalui oleh setiap peserta. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berkayak, tali, pengurusan perkhemahan, ikhtiar hidup, orienteering, trekking, flora fauna, bantu mula, snorkelling, kembara ilmiah dan pengendalian dinghi.

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan ini adalah menumpukan kepada Kem Orentasi Pendidikan Luar yang telah dilaksanakan pada 12 hingga 14 Jun 2004 (rujuk lampiran C). Objektif utama kem ini adalah bagi merapatkan hubungan di antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan pensyarah (kesepaduan). Selain itu, kem ini bertujuan bagi memberikan pendedahan awal kepada pelajar berkenaan program pendidikan luar. Pengendali utama kem orientasi ini adalah pensyarah kursus dan badan fasisilitator.

Pelbagai aktiviti dijalankan bagi merapatkan hubungan dan meningkatkan kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah trekking. Dalam aktiviti ini pelajar didedahkan dengan pengenalan terhadap flora dan fauna. Pelajar akan meredah hutan dan disamping itu mengenali tumbuh-tumbuhan liar di sepanjang perjalanan. Selain itu, aktiviti tubing juga turut dilaksanakan. Pelajar akan dibekalkan satu tiub bagi setiap orang. Mereka akan berhanyut melalui sungai dan menghayati keindahan alam sekeliling. Manakala team building pula menerapkan aktiviti yang membantu meningkatkan semangat kesepaduan. Sebagai contoh, aktiviti 'trust fall' yang memerlukan pelajar mempercayai rakan-rakan sekumpulan. Dan aktiviti yang terakhir yang wajib diikuti oleh setiap pelajar adalah orienteering. Melalui aktiviti ini pelajar didedahkan dengan asas orienteering. Mereka dikehendaki mencari

'blazer' yang telah dipasang oleh pihak fasilitator bermula daripada 'blazer' pertama hinggalah yang terakhir.


Sepanjang kem orientasi dijalankan, banyak aktiviti yang dilakukan bertujuan bagi meningkatkan kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar. Selain dari aktiviti utama yang dinyatakan diatas, mereka juga turut didedahkan dengan aktiviti Latihan dalam Kumpulan (LDK). Penyelesaian masalah diterapkan bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Ini bertujuan menggalakkan mereka sentiasa berfikir. Kesemua aktiviti di atas dipercayai mampu meningkatkan kesepaduan kumpulan.

Pengkaji percaya melalui aktiviti yang dijalankan, pendidikan luar di UPSI mampu untuk meningkatkan integrasi sosial dan kesepaduan dalam kumpulan. Walau bagaimanapun, setakat ini tiada kajian yang dijalankan di UPSI bagi membuktikan dan menjawab setiap persoalan tentang keberkesanan perkhemahan pendidikan luar yang sering dikemukakan oleh warga UPSI sendiri. Pengkaji berpendapat, perlunya satu kajian dijalankan bagi membuktikan tentang hasil daripada pendidikan luar. Oleh itu pengkaji telah memutuskan untuk mengkaji kesan dari aspek kesepaduan kumpulan.

Teori Kajian.

Pengkaji telah memilih Teori Penglibatan dalam Pendidikan Luar berasaskan model yang telah dikembangkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975, 1980; petikan dari Hanna, 1995; m.s 22) , Ajzen (1998; petikan dari Hanna, 1995; m.s 22) dan adaptasi terhadap kesenggangan (Iso-Ahola, 1980; petikan dari Hanna, 1995; m.s 22), pendidikan cabaran (Ewert, 1989; petikan dari Hanna, 1995; m.s 22) dan pendidikan persekitaran (Hines, Hungerford & Tomera, 1987; petikan dari Hanna, 1995; m.s 22). Model ini (rujuk rajah 3) menjelaskan yang faktor pengaruh seperti demografi dan pengalaman lalu dalam pendidikan luar berhubung kait dengan pengetahuan individu tentang alam

semulajadi dan tentang kehidupan dan peredaran di dalamnya. Faktor ini bekerjasama dan mendorong perkembangan sikap terhadap kesepaduan kumpulan.



Rajah 3: Model Teori Penglibatan dalam Pendidikan Luar yang telah diubah suai (Hanna, 1995).

Menurut model ini, sikap terhadap isu persekitaran mendorong pembentukan ingatan ke arah pendidikan luar dan penglibatan dalam persekitaran. Akhirnya ingatan akan dimanifestasikan melalui sikap dan perlakuan dalam kesepaduan kumpulan (Hanna, 1995).

Sungguh pun begitu, skop kajian ini hanya akan menumpukan pada peringkat sikap terhadap kesepaduan kumpulan. Ini adalah kerana fokus utama kajian adalah perubahan sikap peserta terhadap kesepaduan dalam kumpulan.

Kajian Lampau

Berdasarkan penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat, membuktikan perkhemahan pendidikan luar memberikan impak ke atas individu dan kumpulan. Sesetengah kajian mencadangkan program pendidikan luar sebagai 'kenderaan'

bagi mengukuhkan hubungan sosial peserta dan kemahiran interpersonal (Garst, Scheider & Baker, 2001).

Pendidikan luar dan sukan mungkin dapat memainkan peranan yang besar dalam membentuk kesepaduan kumpulan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Allain (1996; petikan dari Boyle, 2003; m.s 44), beliau telah mengkaji keberkesanan latihan berasaskan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan 19 pemain bola sepak wanita Universiti Kanada. Dapatan yang diperolehi menunjukkan terdapat perubahan yang ketara terhadap kesepaduan kumpulan yang mana meningkatkan komunikasi, kepercayaan dan keupayaan menolak gangguan yang tidak diperlukan.

Hans (1997), telah mengkaji 24 kajian tentang perubahan lokus kawalan dan melaporkan program pendidikan luar menghasilkan kesan yang positif terhadap persepsi diri peserta. Walau bagaimanapun, wujud pendapat mengatakan perubahan yang berlaku semasa program berlangsung mungkin tidak akan dapat dikekalkan apabila peserta kembali ke rumah atau persekitaran asal mereka (Pommier & Witt, 1995; petikan dari Garst et al., 2001; m.s 42).

Selain daripada itu terdapat juga faktor-faktor yang mempengaruhi hasil kajian. Menurut Hattie, Marsh, Neill dan Richards (1997), antara faktor-faktor yang mempengaruhi hasil adalah tempoh masa program, jantina peserta, jenis peserta, umur, campuran jantina dalam kumpulan, keaslian program (tempat), organisasi yang menjalankan program dan kualiti pembelajaran.

Sebagai contoh, Sekine (1994; petikan dari Henderson, 2001; m.s. 4) dalam kajian yang dijalankan mendapati, kanak-kanak menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam lokus kawalan dan keyakinan diri berbanding dengan peserta dewasa. Turner dan Helms (1983; petikan dari Edginton, Hanson & Edginton, 1992; m.s. 97) pula mendapati, apabila umur individu meningkat, umur menjadi kriteria yang paling rendah untuk membandingkan perkembangan

individu. Ini jelas menunjukkan faktor-faktor yang dikemukakan di atas mempunyai perkaitan dan pengaruh terhadap hasil pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan luar. Faktor ini seterusnya menghasilkan kesepaduan kumpulan yang lebih tinggi berbanding peserta dewasa. Kajian tersebut turut disokong oleh Casson dan Gillis (1994; petikan dari Neill & Richards 1998; m.s 6) dalam kajiannya yang menyatakan terdapat perhubungan yang positif di antara tempoh masa program dan hasil yang diperolehi. Menurut beliau lagi, dengan berpandukan faktor umur, remaja menunjukkan hasil kesepaduan yang lebih kukuh berbanding orang dewasa.

Meyer dan Wenger's (1998; petikan dari Boyle 2003; m.s 44), dalam kajiannya, menjelaskan kesan orientasi-hasil terhadap penglibatan aktiviti tali pada pasukan tenis wanita di sekolah tinggi dan proses-proses di sepanjang hasil dicapai. Beliau mendapati analisis kualitatif data menunjukkan wujudnya peningkatan kesepaduan kumpulan terutamanya disekeliling isu sosial kumpulan. Penghapusan puak-puak di kalangan mereka meningkatkan sokongan terhadap ahli dalam pasukan. Selain itu hubungan sosial meningkat disebabkan peningkatan komunikasi.

Garst et al. (2001), mendapati persepsi diri remaja meningkat sejeurus selepas melalui pengalaman pendidikan luar. Walaupun peserta mewakili sosio-budaya yang berbeza, mereka telah ditempatkan pada suatu situasi dimana setiap individu pada asasnya adalah sama. Peserta turut menerangkan bagaimana program yang dijalankan bertindak sebagai mekanisma yang menjauhkan mereka daripada tekanan keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Keputusan turut mencadangkan kualiti pendidikan luar (keanehan, pengurusan tanggapan, tarikan rakan sebaya, kesepaduan kumpulan, cabaran, struktur dan tempoh / intensiti) boleh bertindak dengan cara yang unik bagi mempromosikan perubahan positif di kalangan peserta.

Gass, Garvey dan Sugerman (2003), menjelaskan orientasi pengalaman memberi kesan terhadap orang ramai dengan cara yang berbeza. Dalam kajiannya yang dijalankan selepas 17 tahun menjalankan program terhadap responden, mereka ditemuramah kembali melalui telefon dan direkodkan (*recollective*), didapati wujud kesan positif yang konsisten dan wujud beberapa tema berkaitan pengalaman yang telah mereka lalui. Tiga tema yang konsisten muncul dalam semua 16 temuramah yang dijalankan. Kemunculan tema tersebut adalah berkaitan dengan; (a) bagaimana peserta dipandu untuk mencabar andaian mereka sendiri; (b) bagaimana perkembangan rakan sebaya yang rapat membantu hari pertama mereka ke kolej dan bagaimana hubungan ini menjadi asas kepada persahabatan yang kekal; (c) bagaimana program orientasi secara positifnya memberi kesan sebelum dan selepas bergraduat.

Dengan kemunculan tema-tema ini, jelas menunjukkan bahawa pendidikan luar yang telah dilalui memberikan kesan yang besar terhadap kehidupan responden.

Rumusan

Masyarakat moden hari ini kagum dengan negara kita yang mampu hidup di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa, tanpa tercetusnya masalah perkauman. Ini adalah kerana tahap perpaduan yang tinggi merupakan perencah utama bagi menukarkan sekumpulan masyarakat menjadi satu kumpulan (Cox, 1998).

Walau bagaimanapun, perpaduan tidak akan dapat dikekalkan sekiranya tiada usaha yang menyeluruh oleh masyarakat untuk menangani gejala sosial yang semakin menular seterusnya menghancurkan perpaduan masyarakat (Mohd Shauki, 2005). Sehubungan dengan itu ramai pengkaji percaya pendidikan luar adalah merupakan salah satu medium yang berkesan bagi meningkatkan kesepaduan (Wright, 1997).

Oleh yang demikian, UPSI sebagai sebuah universiti yang berteraskan pendidikan, menerapkan program perkhemahan pendidikan luar terhadap pelajar-pelajar Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi bagi menjadi pemangkin kepada perpaduan di kalangan mahasiswa.

BAB III

Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini adalah penting untuk pengkaji mengenal pasti dan menjelaskan kaedah yang terbaik untuk mengukur bagi mendapatkan hasil yang tepat. Menurut Mohd Majid (1990), kegagalan menggunakan kaedah pengumpulan data yang berkesan boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat, kabur dan boleh menyebabkan beban maklumat. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan tentang reka bentuk kajian, kerangka konseptual, pembolehubah kajian, instrumen kajian, sampel kajian, prosedur kajian, tata cara pengumpulan data dan penganalisan maklumat.


Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk pra dan pasca ujian. Data dipungut menggunakan teknik soal selidik. Reka bentuk pra dan pasca ini dianggap paling sesuai untuk kajian ini kerana ia boleh memberi satu gambaran yang menyeluruh terhadap kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan sebelum dan selepas ujian dijalankan.

Menurut Baumgartner, Strong dan Hensen (2002), reka bentuk pra dan pasca ujian adalah satu kaedah di mana ujian pra dijalankan, diikuti dengan rawatan dan seterusnya dijalankan ujian pasca terhadap kumpulan yang sama. Oleh yang demikian dalam kajian ini pengkaji memilih untuk menjalankan kajian berbentuk pra dan pasca ujian bagi melihat kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan.

Kerangka Konseptual

Penyelidikan yang dijalankan adalah berasaskan kerangka konseptual seperti berikut.



Rajah 4: Model konseptual dari kesepaduan kumpulan

Sumber: The Measurement of Cohesion in Sport Team: The Group Environment Questionnaire (m.s. 18) dari Widmeyer W. N., Brawley, L. R., dan Carron A. V., (1985). Dari Advances in Sport Psychology (m.s. 175) dari Horn T. S. (1992), Human Kinetics Publisher, USA.

Model ini merupakan permulaan pembinaan alat dan mengesahkan untuk mengukur kesepaduan kumpulan. Model ini membuat tanggapan bahawa, setiap ahli kumpulan mempunyai persepsi dari kesepaduan kumpulan. Soal selidik Persekitaran Kumpulan (diubahsuai) yang akan digunakan terdiri daripada 30 item yang akan mengukur tiga dimensi kesepaduan iaitu:

- i. Perhubungan sosial antara rakan sekelas
- ii. Minat terhadap pelajaran
- iii. Perhubungan dengan pensyarah

Pembolehubah Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan. Terdapat beberapa pembolehubah yang boleh dilihat dalam kajian ini:

a. Pembolehubah tidak bersandar (independent variable / iv)

Penyebab kepada kesepaduan kumpulan pelajar kursus pendidikan luar iaitu perkhemahan pendidikan luar.

b. Pembolehubah bersandar (dependent variable / dv)

Kesan yang dihasilkan oleh pembolehubah tidak bersandar iaitu kesepaduan kumpulan.

c. Pembolehubah kategorikal (categorical variable / cv)

Pembolehubah yang tidak boleh dimanipulasikan, termasuklah umur peserta perkhemahan pendidikan luar, jantina, bangsa dan agama.

Instrumen Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan. Dua jenis soal selidik iaitu soal selidik Persekitaran Kumpulan (pra dan pasca) dan soal selidik pasca lanjutan akan digunakan untuk mengumpul data bagi menjawab persoalan kajian.

Soal selidik Persekitaran Kumpulan (GEQ - pra dan pasca)

Dalam kajian ini, soal selidik ialah instrumen utama yang digunakan bagi proses pengumpulan data. Soalan yang dibina adalah berteraskan model Soal selidik Persekitaran Kumpulan (GEQ) yang terdiri daripada 30 item yang akan mengukur kesepaduan. Kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan adalah 0.65 ($r=0.65$). Soalan adalah terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Soal selidik ini membolehkan data dikumpul daripada responden dengan cepat dan mudah. Bahagian A merangkumi 11 item yang berkaitan dengan butir-butir peribadi responden seperti bangsa, umur, semester, kursus, jantina, agama, pengalaman mengikut aktiviti, status dalam aktiviti dan status dalam pasukan.

Manakala bahagian B pula merangkumi 30 item yang dibentuk daripada pernyataan dan pendapat pelajar tentang kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan. Dalam bahagian ini pengukuran dibuat dengan menggunakan skala 5 pemeringkatan. Dalam soal selidik ini terdapat set senarai kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap kesepaduan kumpulan dalam aktiviti pendidikan luar.

Pernyataan	Markah
Sangat setuju	5
Setuju	4
Neutral	3
Tidak setuju	2
Sangat tidak setuju	1

Jadual 1: Skala lima pemeringkatan.

Berdasarkan Jadual 1, satu set gerak balas terhadap sikap tersebut diberikan di dalam bentuk skala ordinal. Responden menunjukkan samada mereka 'sangat setuju', 'setuju', 'neutral', 'tidak setuju' dan 'sangat tidak setuju'. Skala lima pemeringkatan ini adalah cara terbaik dan sesuai digunakan untuk mengukur sikap dalam sesuatu isu.

Soal Selidik Pasca Lanjutan.

Soal selidik ini adalah merupakan soalan lanjutan kepada ujian pasca. Ia bertujuan membantu penyelidik bagi mengesan program atau aktiviti yang mendorong kepada kesepaduan dalam kumpulan pelajar. 11 item yang mana terdiri daripada Bahagian A menyamai Soal selidik GEQ. Manakala Bahagian B pula terdiri daripada 2 item yang menyoal responden tentang bentuk program atau aktiviti yang digemari dan dapat mendorong kepada kesepaduan dalam kumpulan pelajar.

Sampel Kajian

Persampelan merupakan strategi penyelidikan bilamana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut (Mohd Majid, 2000). Bagi mencapai objektif dalam kajian ini, sejumlah 103 orang pelajar kursus pendidikan

luar UPSI Semester Pertama Sesi Ambilan Jun 2004/2005 telah diambil sebagai subjek kajian. Mereka adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan iaitu bekas guru, lepasan diploma institut pengajian tinggi dan lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Pengkaji telah memilih populasi teknik keseluruhan pelajar bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Menurut Mohd Majid (2000), maklumat yang tepat mengenai sesuatu populasi hanya boleh didapati sekiranya pengkaji mengkaji seluruh individu dalam populasi tersebut.

Prosedur Kajian

a. Kebenaran menjalankan kajian

Bagi melancarkan lagi proses dalam menjalankan kajian ini, pihak UPSI khususnya Jabatan Sains Sukan telah dihubungi melalui surat rasmi untuk memohon kebenaran bagi pengkaji menjalankan kajian. Surat tersebut juga turut memperjelaskan tentang tujuan kajian dijalankan, responden dan kursus yang terlibat dalam kajian ini serta borang soal selidik yang bakal diedarkan oleh pengkaji terhadap responden.

Selain daripada surat rasmi, pengkaji turut berjumpa dan berbincang dengan Ketua Jabatan Sains Sukan serta Pensyarah Kursus Pendidikan Luar bagi meminta pendapat serta pandangan beliau berkaitan kajian yang bakal dijalankan. Hasil daripada perbincangan tersebut pihak jabatan telah bersetuju dan menyokong kajian yang bakal dijalankan.

b. Pentadbiran ujian pra.

Setelah kebenaran diperolehi, pengkaji menjalankan pra ujian terhadap responden semasa hari pertama perkhemahan dijalankan. Ujian dijalankan di

khemah utama kem perkhemahan. Sebelum ujian dijalankan, pengkaji menerangkan tujuan kajian dijalankan dan kepentingan penglibatan responden dalam kajian. Selain itu, pengkaji turut menerangkan tentang prosedur maklum balas responden terhadap ujian pra yang bakal dijalankan. Setelah responden memahami dengan jelas, barulah pra ujian dijalankan.

c. Pemerhatian (kualitatif) dan penglibatan pengkaji.

Pengkaji terlibat dalam perkhemahan ini sebagai salah seorang fasilitator yang akan mengikuti keseluruhan aktiviti perkhemahan. Menerusi peringkat pemerhatian, pengkaji memerhati tingkah laku dan tindak balas responden di kalangan rakan serta aktiviti yang meningkatkan kesepaduan di kalangan mereka. Faktor ini dipilih kerana ia mampu memberikan pemahaman terhadap kesepaduan kumpulan responden dan persepsi mereka terhadap perkhemahan pendidikan luar.

d. Pentadbiran ujian pasca.

Pasca ujian dijalankan sebaik sahaja responden menyelesaikan proses penyimpanan alatan perkhemahan. Responden dikumpulkan di gimnasium UPSI dan diterangkan penglibatan mereka serta prosedur maklum balas terhadap soal selidik. Ujian dijalankan sebaik sahaja selesai penerangan dan dipungut kembali setelah tamat ujian.

e. Pentadbiran Ujian Pasca Lanjutan.

Soal selidik pasca lanjutan diedarkan setelah dua minggu responden melalui program perkhemahan. Responden dikumpulkan di kolej kediaman dan diterangkan penglibatan mereka serta prosedur maklum balas terhadap soal selidik. Ujian dijalankan sebaik sahaja selesai penerangan dan dipungut kembali setelah tamat ujian.

Kaedah Pengumpulan Data

Data untuk kajian ini dikumpul secara pentadbiran soal selidik. Pengumpulan data dijalankan pada awal bulan Jun 2004 sebelum dan selepas selesai perkhemahan amali pertama pendidikan luar UPSI.

Dalam proses pentadbiran soal selidik, pengkaji turut menyertai kumpulan pelajar ini semasa menjalankan sesi amali. Bagi mengelakkan kesan 'horthorne' yang mungkin berlaku, pengkaji menjelaskan tujuan soal selidik pra ujian diedarkan tetapi tidak menjelaskan pasca ujian dan ujian lanjutan yang akan menyusuli selepas amali pertama perkhemahan pendidikan luar selesai.

Responden diberi masa selama 20 minit untuk memberikan respon dalam Bahagian A dan Bahagian B. Kertas soal selidik yang telah selesai dijawab dikembalikan kepada pengkaji untuk proses seterusnya.

Penganalisan Data

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah selesai dijawab oleh responden. Data yang diperolehi dianalisa menggunakan perisian SPSS 11.5 (Statistical Package for Sosial Science 11.5). Data hasil daripada pentadbiran soal selidik ini diolah dalam bentuk jadual dan graf yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut di dalam Bab IV. Terdapat dua peringkat proses analisis data dalam kajian ini. Peringkat pertama menggunakan statistik deskriptif bagi menjawab persoalan kajian menerusi min dan peratusan.

Manakala pada peringkat kedua pengkaji telah menggunakan teknik ANOVA (Analysis of Variance) bagi menentukan samada terdapat perbezaan yang signifikan antara pembolehubah seperti jantina, bangsa, kelayakan akademik, pengalaman dalam bidang rekreasi dan lokasi tempat tinggal.

BAB IV

Penganalisisan Data

Dalam bab ini, kesemua data yang dikumpul akan dianalisis bagi menjawab persoalan-persoalan kajian penyelidikan. Segala hasil dapatan kajian akan dilaporkan dalam bentuk penulisan (deskriptif) berdasarkan soal selidik *Group Environment Questionnaire (GEQ)* yang diedarkan kepada responden. Pengumpulan data telah dilakukan secara mengedarkan soal selidik terhadap 103 orang pelajar yang telah mengikuti amali pendidikan luar KSS 1023. Sejumlah 85 (61 lelaki dan 24 perempuan) orang pelajar adalah dari UPSI dan 18 (14 lelaki dan 4 perempuan) orang pelajar dari kampus cawangan UPSI di IPDA. Kesemua subjek yang dipilih adalah memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan pada bahagian persampelan kajian.

Data yang diperolehi dianalisis bagi mengenal pasti kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan secara keseluruhan melalui perbezaan ujian pra dan pasca. Perbandingan kesan secara khusus terhadap pelajar UPSI dan PKPG turut dianalisis bagi melihat secara lebih terperinci dapatan kajian. Selain itu penganalisaan data demografi juga dibuat oleh penyelidik untuk mengetahui faktor demografi yang mendorong kepada kesepaduan dalam kumpulan. Penyelidikan ini turut menganalisis bentuk program atau aktiviti (sekiranya wujud) yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar semasa Program Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar.

Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS 11.5 (Statistical Package for Sosial Science 11.5) melalui dua peringkat analisis. Peringkat pertama menggunakan statistik deskriptif bagi menjawab persoalan kajian menerusi min dan peratusan. Manakala peringkat kedua menggunakan teknik ujian-t tidak bersandar dan ANOVA (Analysis of Variance) bagi menentukan

samada terdapat perbezaan yang signifikan antara pembolehubah seperti jantina, bangsa, kelayakan akademik, pengalaman dalam bidang rekreasi dan lokasi tempat tinggal. Dapatan yang diperolehi ini akan dihuraikan secara sistematik supaya mudah dan jelas untuk difahami serta boleh dipercayai.

Latar Belakang Responden


Responden dikelaskan kepada 11 faktor demografi yang mungkin merupakan angkuabah yang menyumbang kepada kesepaduan dalam kumpulan. Berikut adalah data demografi responden. Data dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan.

Umur

Jadual 2: Kekerapan dan peratusan responden mengikut umur.

Kategori Umur Responden	Kekerapan	Peratusan (%)
20 tahun kebawah	46	44.7
21 hingga 25 tahun	36	35.0
26 hingga 30 tahun	6	5.8
31 tahun keatas	15	14.6
Jumlah	103	100%

Berdasarkan jadual 2, menunjukkan kategori umur responden. Kategori umur 20 tahun ke bawah sejumlah 44.7 % iaitu merupakan jumlah peratusan tertinggi, kemudian diikuti 21 hingga 25 tahun sejumlah 35%. Manakala 26 hingga 30 tahun merupakan jumlah yang paling rendah iaitu 5.8% dan 31 tahun ke atas sejumlah 14.6%. Rajah 5 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut umur.




Rajah 5: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut umur.

Jantina

Jadual 3: Kekerapan dan peratusan respond mengikut jantina.

Jantina	Kekerapan	Peratusan(%)
lelaki	75	72.8
perempuan	28	27.2
Jumlah	103	100%

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan jantina responden. Sejumlah 72.8% adalah responden lelaki dan 27.2% pula adalah responden perempuan. Bagi memperjelaskan lagi latar belakang berkaitan jantina, Rajah 6 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina.




Rajah 6: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina.

Bangsa

Jadual 4: Kekerapan dan peratusan respond mengikut bangsa.

Bangsa	Kekerapan	Peratusan (%)
melayu	88	85.4
cina	1	1.0
india	5	4.9
lain-lain	9	8.7
Jumlah	103	100%

Merujuk kepada jadual 4, bangsa melayu adalah bangsa yang mendominasi dengan peratusan sejumlah 85.4%. Manakala Cina adalah paling rendah dengan hanya sejumlah 1%. Bangsa India pula sejumlah 4.9% dan lain-lain 8.7%. Rajah 7 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa.




Rajah 7: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa.

Agama

Jadual 5: Kekerapan dan peratusan responden mengikut agama.

Agama	Kekerapan	Peratusan (%)
islam	89	86.4
buddha	4	3.9
hindu	3	2.9
kristian	7	6.8
Jumlah	103	100%

Jadual 5 di atas mempamerkan perbezaan kekerapan dan peratusan agama responden. Responden yang beragama Islam adalah merupakan peratusan tertinggi iaitu sejumlah 86.4%. Seterusnya diikuti oleh responden beragama Kristian 6.8%, Buddha 3.9% dan peratusan yang paling rendah adalah responden beragama hindu berjumlah 2.9%. Rajah 8 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut agama.




Rajah 8: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut agama.

Lokasi Tempat Tinggal

Jadual 6: Kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi tempat tinggal.

Lokasi	Kekerapan	Peratusan (%)
bandar	47	45.6
luar bandar	56	54.4
Jumlah	103	100%

Merujuk kepada jadual 6 di atas, menunjukkan bahawa responden yang tinggal di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi dengan jumlah 54.4%. Manakala responden yang tinggal di kawasan bandar adalah berjumlah 45.6%. Walau bagaimanapun peratusan bagi kedua-dua lokasi ini tidak menunjukkan jumlah perbezaan yang ketara. Rajah 9 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi tempat tinggal.




Rajah 9: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi tempat tinggal.

Status Perkahwinan

Jadual 7: Kekerapan dan peratusan responden mengikut status perkahwinan.

Status	Kekerapan	Peratusan (%)
bujang	85	82.5
berkahwin	17	16.5
duda / janda	1	1.0
Jumlah	103	100%

Berdasarkan jadual 7, responden yang berstatus bujang adalah paling tinggi iaitu 81.6%, seterusnya diikuti oleh status berkahwin 16.5% manakala bagi status duda pula adalah paling rendah dengan jumlah peratusan 1%. Rajah 10 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut status perkahwinan.



Rajah 10: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut status perkahwinan.


Pekerjaan Sebelum Melanjutkan Pelajaran.

Jadual 8: Kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan sebelum melanjutkan pelajaran ke UPSI.

Pekerjaan	Kekerapan	Peratusan (%)
tidak berkerja	30	29.1
pelajar	37	35.9
kerajaan	22	21.4
swasta	12	11.7
sendiri	2	1.9
Jumlah	103	100%

Jadual 8 di atas menunjukkan peratusan pekerjaan responden sebelum melanjutkan pelajaran ke UPSI. Pelajar adalah merupakan peratusan tertinggi berjumlah 35.9%, seterusnya diikuti oleh sektor kerajaan 21.4%, swasta 11.7% dan yang terakhir bekerja sendiri adalah merupakan peratusan terendah dengan hanya 1.9%. Bagi memperjelaskan lagi latar belakang berkaitan

pekerjaan , Rajah 11 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina.



Rajah 11: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut status pekerjaan.


Kelayakan Akademik.

Jadual 9: Kekerapan dan peratusan responden mengikut kelayakan akademik.

Kelayakan akademik	Kekerapan	Peratusan (%)
STPM	71	68.9
Sijil IPT	8	7.8
Diploma	24	23.3
Jumlah	103	100%

Merujuk kepada jadual 9, menerangkan tentang kelayakan akademik responden ke UPSI. Responden yang bersandarkan dengan kelayakan STPM adalah tertinggi iaitu 68.9%, diikuti oleh kelayakan diploma 23.3% manakala sijil

Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah yang paling rendah berjumlah 7.8%. Rajah 12 di bawah dapat terperinci dan memperjelaskan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut kelayakan akademik.



Rajah 12: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut kelayakan akademik.


Pengalaman Dalam Bidang Pendidikan Luar.

Jadual 10: Kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman dalam bidang pendidikan luar.

Pengalaman Pendidikan Luar	Kekerapan	Peratusan (%)
tiada pengalaman	73	70.9
1 hingga 5 tahun	26	25.2
lebih dari 5 tahun	4	3.9
JUmlah	103	100%

Jadual 10 menunjukkan tentang kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pengalaman dalam bidang pendidikan luar. Data menunjukkan

peratusan tertinggi adalah responden yang tidak mempunyai pengalaman iaitu sejumlah 70.9%. Seterusnya pengalaman 1 hingga 5 tahun adalah berjumlah 25.2% dan yang paling rendah adalah responden yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun iaitu 3.9%. Rajah 13 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut status pengalaman dalam bidang rekreasi.



Rajah 13: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman dalam bidang rekreasi.

Pengalaman Mengajar

Jadual 11: Kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar.

Pengalaman Mengajar	Kekerapan	Peratusan (%)
tiada pengalaman	81	78.6
1 hingga 5 tahun	8	7.8
lebih dari 5 tahun	14	13.6
Jumlah	103	100%

Berdasarkan pada jadual 11, peratus responden yang tidak mempunyai pengalaman mengajar adalah paling tinggi iaitu 78.6%. Manakala responden yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun berjumlah 13.6%, dan yang paling rendah adalah responden yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun iaitu 7.8%. Rajah 14 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut status pengalaman mengajar.



Rajah 14: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar.

Lokasi Kampus Pengajian

Jadual 12: Kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi kampus pengajian.

Lokasi kampus	Kekerapan	Peratusan (%)
upsi	85	82.5
ipda	18	17.5
Total	103	100.0

Merujuk kepada jadual 12, responden dari kampus UPSI adalah tertinggi dengan jumlah peratusan 82.5% dan responden dari kampus IPDA adalah 17.5%. Ini menunjukkan responden dari UPSI adalah yang paling ramai dalam kajian ini. Bagi memperjelaskan lagi latar belakang berkaitan lokasi kampus pengajian, Rajah 15 di bawah memperincikan lagi kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi kampus pengajian.



Rajah 15: Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut lokasi kampus pengajian.

Persoalan Kajian 1


Sejauh manakah Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI mendatangkan kesan kesepaduan kumpulan terhadap peserta.

Keputusan Keseluruhan

Jadual 13: Keputusan ujian-t mengenai perbandingan keberkesanan ujian pra dan pasca.

Ujian	N	Min	SD	t	Sig
Min Ujian Pra	103	3.863	.349	112.316	0.01
Min Ujian Pasca	103	4.110	.435	95.834	

Jadual 13 di atas menerangkan tentang keputusan ujian-t mengenai perbandingan keberkesanan ujian pra dan pasca. Analisis bertujuan bagi membandingkan skor min ujian pra dan pasca. Keputusan menunjukkan skor min ujian pra sebelum kem ($M=3.863$, $SD=0.349$) dengan nilai t ($t=112.316$). Manakala skor min ujian pasca selepas kem ($M=4.110$, $SD=0.435$) dengan nilai t ($t=95.834$). Kedua-dua ujian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($p<.01$). Bagi melihat perbezaan yang lebih jelas, rajah 16 dapat membantu memperjelaskan lagi perbezaan ujian pra dan pasca terhadap kesepaduan peserta secara keseluruhannya.



Rajah 16: Perbandingan min ujian pra dan pasca terhadap faktor kesan Perkhemahan Pendidikan Luar terhadap kesepaduan kumpulan.

Persoalan Kajian 2

Bagaimana kesepaduan dalam kumpulan pelajar Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI dipengaruhi oleh faktor-faktor demografi.

Keputusan Keseluruhan

Dalam menentukan faktor-faktor demografi yang mungkin mempengaruhi kesepaduan dalam kumpulan pelajar, kaedah analisis ujian-t dan ANOVA digunakan bagi menganalisis jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman dalam bidang rekreasi dan lokasi tempat tinggal.

Umur

Jadual 14: Keputusan Ujian ANOVA satu hala - Perbandingan ujian pra dan pasca bagi umur responden.

Ujian	Umur	N	Min	SD	ANOVA	
					F	Sig.
Ujian Pra	20 tahun kebawah	46	3.851	.285	.834	.478
Ujian Pasca	20 tahun kebawah	46	4.094	.421	.905	.441
Ujian Pra	21 hingga 30 tahun	36	3.870	.403	.834	.478
Ujian Pasca	21 hingga 25 tahun	36	4.144	.455	.905	.441
Ujian Pra	26 hingga 30 tahun	6	3.688	.331	.834	.478
Ujian Pasca	26 hingga 30 tahun	6	3.855	.310	.905	.441
Ujian Pra	31 tahun keatas	15	3.951	.397	.834	.478
Ujian Pasca	31 tahun keatas	15	4.180	.468	.905	.441
	Jumlah ujian pra	103	3.863	.349		
	Jumlah ujian pasca	103	4.110	.435		

Berdasarkan jadual 14, bagi responden peringkat umur 20 tahun ke bawah keputusan skor min ujian pra adalah $M=3.851$, $SD=.285$. Manakala skor min ujian pasca menunjukkan peningkatan $M= 4.094$, $SD=.421$.

Bagi responden peringkat umur 21 hingga 30 tahun pula, keputusan skor min ujian pra adalah $M=3.870$, $SD=.403$ dan skor min ujian pasca pula turut meningkat $M= 4.144$, $SD=.455$. Manakala responden peringkat umur 26 hingga 30 tahun, keputusan skor min bagi ujian pra adalah $M= 3.688$, $SD=.331$ dan skor min ujian pasca pula turut sama meningkat kepada $M=3.855$, $SD=.310$. Dan bagi responden peringkat umur yang tertinggi iaitu 31 tahun ke atas, min ujian pra ialah $M=3.951$, $SD=.397$. Manakala skor min ujian pasca juga turut meningkat $M=4.180$, $SD=.468$.

Keputusan daripada analisis data ini membuktikan bahawa ujian pra yang dijalankan sebelum kem bagi faktor umur adalah tidak signifikan ($F(2, 101)=$


.834, $p > .478$). Bagi ujian pasca pula keputusan turut menunjukkan tidak signifikan ($F(2, 101) = p > .441$).

Jantina

Jadual 15: Keputusan Ujian ANOVA satu hala - Perbandingan ujian pra dan pasca bagi jantina responden.

Ujian	Jantina	N	Min	SD	ANOVA	
					F	Sig.
Ujian pra	lelaki	75	3.815	.356	5.443	.022
	perempuan	28	3.991	.297		
	Jumlah	103	3.863	.349		
Ujian pasca	lelaki	75	4.024	.442	11.758	.001
	perempuan	28	4.339	.323		
	Jumlah	103	4.110	.435		

Dalam jadual 15, analisis menunjukkan skor min ujian pra bagi responden lelaki adalah $M=3.815$, $SD=.356$ dan meningkat sebanyak 0.209 ($M=4.024$, $SD=.442$) semasa ujian pasca di akhir kem. Manakala bagi responden perempuan pula skor min ujian pra adalah $M=3.991$, $SD=.297$ dan mencatatkan peningkatan mendadak sebanyak 0.348 ($M=4.339$, $SD=.323$) semasa ujian pasca di akhir kem. Keputusan analisis mendapati ujian pra ($F(1, 102)=5.443$), $p < .022$) dan pasca ($F(1, 102)=11.758$, $p < .001$) adalah menunjukkan perbezaan yang signifikan kepada kedua-dua jantina. Rajah 17 di bawah memperjelaskan lagi analisis dapatan kajian bagi faktor jantina.



Rajah 17: Taburan perbandingan min ujian pra dan pasca bagi faktor jantina.

Kelayakan Akademik.

Jadual 16: Keputusan ujian ANOVA satu hala-Perbandingan ujian pra dan pasca bagi faktor kelayakan akademik.

Ujian	Kelayakan akademik	N	Min	SD	ANOVA	
					F	Sig.
Ujian pra	STPM	71	3.835	.325	1.342	.266
	Sijil IPT	8	3.804	.279		
	Diploma	24	3.963	.423		
	Jumlah	103	3.863	.349		
Ujian pasca	STPM	71	4.063	.433	2.229	.113
	Sijil IPT	8	4.037	.475		
	Diploma	24	4.272	.405		
	Jumlah	103	4.110	.435		

Dalam jadual 16, di atas menjelaskan tentang Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi faktor kelayakan akademik. Semasa ujian pra, skor min bagi responden yang bersandarkan kepada kelayakan STPM adalah $M=3.835$, $SD=.325$ meningkat 0.228 semasa ujian pasca ($M=4.063$, $SD=.433$). Bagi

responden yang berkelayakan sijil IPT pula, skor min bagi ujian pra adalah $M=3.804$, $SD=.279$ juga menunjukkan peningkatan skor min 0.223 semasa ujian pasca ($M=4.037$, $SD=.475$). Seterusnya bagi responden yang mempunyai diploma, skor min bagi ujian pra adalah $M=3.963$, $SD=.423$ mencapai peningkatan 0.309 ($M=4.272$, $SD=.405$) semasa ujian pasca.

Manakala dari segi signifikan, faktor kelayakan akademik tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan semasa ujian pra ($F(1, 102)=1.342$, $p>.266$). Keputusan yang sama turut terhasil semasa ujian pasca yang mana faktor kelayakan akademik tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan ($F(1, 102)=1.342$, $p>.266$) terhadap kesepaduan kumpulan.

Pengalaman dalam bidang rekreasi.


Jadual 17: Keputusan ujian ANOVA satu hala – Perbandingan ujian pra dan pasca bagi faktor pengalaman dalam pendidikan luar.

Ujian	Pengalaman PL	N	Min	SD	ANOVA	
					F	Sig.
Ujian pra	tiada pengalaman	73	3.849	.343	1.045	.355
	1 hingga 5 tahun	26	3.864	.370		
	lebih dari 5 tahun	4	4.108	.282		
	Jumlah	103	3.863	.349		
Ujian pasca	tiada pengalaman	73	4.115	.451	.057	.945
	1 hingga 5 tahun	26	4.089	.426		
	lebih dari 5 tahun	4	4.158	.134		
	Jumlah	103	4.110	.435		

Berdasarkan jadual 17, keputusan menunjukkan perbandingan skor min ujian pra dan pasca bagi faktor pengalaman dalam bidang pendidikan luar. Semasa ujian pra, skor min responden yang tiada pengalaman adalah $M=3.849$, $SD=.343$ meningkat kepada skor $M=4.115$, $SD=.451$ selepas ujian pasca (rujuk rajah 10). Seterusnya bagi responden yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5

tahun, skor min semasa ujian pra menunjukkan $M=3.864$, $SD=.370$. Semasa ujian pasca pula skor min adalah $M=4.089$, $SD=.426$ mempamerkan peningkatan.

Manakala responden yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun, skor min ujian pra adalah $M=4.108$, $SD=.282$, juga turut sama meningkat semasa ujian pasca iaitu $M=4.158$, $SD=.134$. Walau bagaimanapun, ujian pra tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi faktor pengalaman dalam bidang pendidikan luar ($F(1, 102)=1.045$, $P>.355$). Keputusan yang sama juga turut berlaku bagi ujian pasca ($F(1, 102)=.057$, $p>.945$) dimana faktor pengalaman dalam pendidikan luar bukanlah faktor yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan. Rajah 18 di bawah memperjelaskan lagi analisis dapatan kajian perbandingan skor min ujian pra dan pasca bagi faktor pengalaman dalam bidang pendidikan luar



Rajah 18: Perbandingan skor min ujian pra dan pasca bagi faktor pengalaman dalam bidang pendidikan luar.

Lokasi Tempat Tinggal

Jadual 18: Keputusan ujian ANOVA satu hala - Perbandingan ujian pra dan pasca bagi faktor lokasi tempat tinggal responden.

Ujian	Lokasi Tempat Tinggal	N	Min	SD	ANOVA	
					F	Sig.
Ujian Pra	bandar	47	3.866	.330	.006	.940
	luar bandar	56	3.860	.366		
	Total	103	3.863	.349		
Ujian Pasca	bandar	47	4.056	.429	1.351	.248
	luar bandar	56	4.156	.438		
	Total	103	4.110	.435		

Merujuk kepada jadual 18, semasa ujian pra, skor min responden yang tinggal di kawasan bandar adalah $M=3.866$, $SD=.330$. Walau bagaimanapun selepas menjalani kem dan ujian pasca dijalankan, terdapat peningkatan 0.19 ($M=4.056$, $SD=.429$). Manakala bagi responden yang tinggal di kawasan luar bandar pula skor min bagi ujian pra adalah $M=3.860$, $SD=.366$ dan selepas menjalani kem, peningkatan mendadak skor min ujian pasca responden luar bandar wujud sebanyak 0.296 ($M=4.156$, $SD=.438$).

Berdasarkan hasil analisis menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi faktor lokasi tempat tinggal semasa ujian pra ($F(1, 102)=.006$, $p>.940$). Bagi ujian pasca pula analisis ANOVA turut membuktikan tiada perbezaan yang signifikan bagi faktor lokasi tempat tinggal ($F(1, 102)=1.351$, $p>.248$) dan pengaruhnya terhadap kesepaduan kumpulan.

Persoalan Kajian 3.

Adakah terdapat perbezaan kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar UPSI berbanding pelajar IPDA yang mengikuti Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI?

Keputusan Keseluruhan.

Jadual 19: Keputusan Ujian t Sampel Tidak Bersandar – Perbandingan skor min dan sisihan piawai responden UPSI dan PKPG bagi ujian pra dan pasca.

Ujian	Pelajar	N	Min	SD	t	Sig
Ujian pra	upsi	85	3.840	.341	-1.468	.145
	ipda	18	3.972	.372		
Ujian pasca	upsi	85	4.093	.439	-.861	.391
	ipda	18	4.190	.415		

Jadual 19 menunjukkan perbandingan analisis skor min dan sisihan piawai bagi responden dari UPSI dan IPDA. Ujian mendapati nilai $t(101) = -1.468$, $p = .145$ adalah tidak signifikan semasa ujian pra. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min ujian pra yang signifikan di antara pelajar UPSI ($M = 3.840$, $SD = .341$), dengan pelajar IPDA ($M = 3.972$, $SD = .372$). Manakala bagi ujian pasca analisis menunjukkan nilai $t(101) = -.861$, $p = .391$ adalah juga tidak signifikan. Keputusan membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min ujian pra yang signifikan di antara pelajar UPSI ($M = 4.093$, $SD = .439$) dengan pelajar IPDA ($M = 4.190$, $SD = .415$).

Persoalan Kajian 4.

Apakah bentuk program atau aktiviti (sekiranya wujud) yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan pelajar Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI?

Keputusan Keseluruhan.

Jadual 20: Keputusan perbandingan kekerapan dan peratusan bentuk program atau aktiviti yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan.

Ujian	Aktiviti	Kekerapan	Peratusan (%)
Ujian pasca lanjutan	tubing	7	23.3
	orienteering	4	13.3
	team building	13	43.3
	trekking	6	20.0
	Jumlah	30	100%

Jadual 20 di atas menerangkan tentang perbandingan kekerapan dan peratusan mengenai bentuk atau aktiviti yang mendorong kepada kesepaduan sepanjang kem dijalankan. Dapatan ini adalah berdasarkan soal selidik pasca lanjutan yang diedarkan kepada 30 orang (24 lelaki, 6 perempuan) responden. Responden yang terpilih bagi menjawab soal selidik ini adalah dari kalangan 35% pelajar dari kampus UPSI yang telah mengikuti Kem Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar Semester Pertama Sesi Ambilan Jun 2004 / 2005 sahaja. Oleh itu dapatan yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan bagi mewakili samada pelajar UPSI atau PKPG dari IPDA dalam kajian ini. Dapatan hanya mewakili 29% responden dalam kajian ini.

Berdasarkan analisis kajian mendapati, skor bagi aktiviti tubing adalah 7 kekerapan dengan peratusan 23.3%. Aktiviti orienteering pula 4 kekerapan dan peratusannya 13.3%. Manakala team building pula mendapat skor tertinggi

dengan 13 kekerapan dan 43.3%. Bagi aktiviti trekking jumlah kekerapan adalah 6 kekerapan dengan peratusan 20%. Oleh yang demikian pengkaji menyimpulkan bahawa aktiviti bahawa yang paling mendorong kesepaduan kumpulan di kalangan 30 orang pelajar ialah aktiviti team building.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya setelah melalui analisis statistik, pengkaji dapat membuat beberapa kesimpulan berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan. Umumnya pengkaji mendapati wujudnya peningkatan skor min yang signifikan antara semasa ujian pra dan pasca. Walaupun sesetengah pembolehubah tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan apabila dibandingkan di antara ujian pra dan pasca, tetapi perubahan pandangan pelajar terhadap kesepaduan di dalam kumpulan tetap meningkat.

Pendidikan luar meski pun pada dasarnya dianggap sebagai satu matapelajaran yang dinilai, mempunyai satu kurikulum tersembunyi yang dapat meningkatkan nilai-nilai afektif khususnya tentang peningkatan dalam kesepaduan kumpulan (Boyes, 2003). Berdasarkan analisis deskriptif yang dilakukan, menunjukkan wujudnya kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar yang mengikuti Program Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar.

Walau bagaimanapun dapatan kajian ini tidak sesuai digeneralisasikan kepada program-program pendidikan luar lain di Malaysia. Huraian lanjut mengenai hasil dapatan akan dibincangkan di dalam Bab V.

BAB V

Perbincangan

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi meninjau kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan pelajar. Selain itu kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti faktor-faktor demografi yang paling dominan yang menyumbang kepada kesepaduan kumpulan pelajar. Sesetengah pengkaji berpendapat pembolehubah demografi membantu menerangkan perkembangan yang berlaku semasa program pendidikan luar (Conrad & Hedin, 1982; petikan dari Sibthorp, 2003; m.s 4). Kajian ini turut ingin mengenal pasti program atau aktiviti yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar.

Menerusi bab ini pengkaji akan membincangkan penemuan kajian melalui kedua-dua hasil keputusan kuantitatif dan kualitatif (pemerhatian) yang mana akan digunakan bagi menjawab setiap persoalan kajian. Pecahan bagi setiap perbincangan adalah berdasarkan persoalan kajian.

Persoalan Kajian 1


Sejauh manakah Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI mendatangkan kesan kesepaduan kumpulan terhadap peserta?

Melalui kaedah kuantitatif yang dijalankan terhadap peserta, analisis menunjukkan skor min ujian pra sebelum kem ($M=3.863$) mengalami peningkatan 0.247 semasa ujian pasca ($M=4.110$). Peningkatan ini menunjukkan terdapat satu perubahan yang signifikan terhadap tingkah laku pelajar ke arah kesepaduan kumpulan ($p=.001$). Oleh yang demikian, kajian ini bertepatan dengan hipotesis yang mana menyatakan akan terdapat perubahan sikap pelajar yang signifikan terhadap kesepaduan setelah menjalani kem perkhemahan pendidikan luar oleh GEQ adalah diterima. Jika dibandingkan dapatan kajian ini

dengan kajian lampau, terdapat persamaan dari sudut dapatan kajian. Menurut kajian terdahulu yang dijalankan oleh Garst et. al (2001), yang mengkaji kesepaduan kumpulan, terdapat bukti perubahan peningkatan yang signifikan berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap 58 orang sampel semasa program pendidikan luar. Dalam kajiannya sampel yang terdiri daripada belia yang tinggal di bandar dan dibawa menyertai kem perkhemahan. Ujian pra dijalankan sebelum kem dan diikuti dengan ujian pasca selepas kem. Hasilnya beliau mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara ujian pra dan pasca terhadap kesepaduan kumpulan ($p=.05$)

Peningkatan yang berlaku dalam kajian ini adalah berkemungkinan disebabkan oleh faktor sampel yang tidak mendapat gangguan daripada luar dan pengaruh-pengaruh negatif. Ini disokong oleh Milton, Cleveland dan Bennett-Gates (1995; petikan dari Garst et al., 2001; m.s 7) yang menyatakan individu yang ditempatkan di kawasan yang tenang dan bebas daripada tekanan mengalami tarikan dan keupayaan yang baru untuk cenderung terhadap kesepaduan kumpulan. Klint dan Priest (1998) juga menyatakan peserta yang melalui program perkhemahan mengalami peningkatan dalam kesepaduan kumpulan, peningkatan interaksi dan percaya terhadap satu sama lain.

Selain daripada itu terdapat juga faktor-faktor demografi yang mempengaruhi dapatan kajian. Menurut Hattie et al. (1997), antara faktor-faktor yang mempengaruhi hasil adalah tempoh masa program, jantina peserta, jenis peserta, umur, campuran jantina dalam kumpulan, keaslian program (tempat), pengalaman lalu, organisasi yang menjalankan program dan kualiti pembelajaran. Sungguhpun begitu jika dibandingkan dengan dapatan kajian ini menunjukkan terdapat percanggahan. Kajian ini mendapati, kesemua faktor yang dinyatakan oleh Hattie et al. (1997), kecuali jantina tidak mempengaruhi dapatan kajian. Faktor ini pada pendapat pengkaji adalah berkemungkinan disebabkan oleh sosio budaya yang berbeza, jumlah peserta yang tidak sama dan kaedah pendekatan program yang berbeza.



Rajah 19: Model kesan terhadap kesepaduan kumpulan yang didorong oleh faktor demografi jantina yang telah diubah suai dari Hanna (1997).

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada awalnya, kajian ini hanya melihat dari aspek sikap peserta terhadap kesepaduan kumpulan. Oleh yang demikian, rajah 19 menjelaskan tentang faktor demografi yang menyumbang terhadap kesepaduan kumpulan. Berdasarkan dapatan hanya faktor jantina yang mendorong terhadap kesepaduan kumpulan. Dengan itu, rajah ini menyokong dapatan kajian bahawa hanya faktor jantina yang mendorong terhadap kepada kesepaduan kumpulan.

Peningkatan semasa ujian pasca dalam kajian ini hanyalah sebanyak 0.247. Keadaan ini adalah berkemungkinan disebabkan oleh faktor paras pengetahuan peserta (pengalaman lalu) tentang kesepaduan kumpulan semasa ujian pra sememangnya tinggi ($M=3.863$). Perkara ini turut disokong oleh Shepard dan Speelman (1986), yang menyatakan peserta yang rendah tahap pengetahuan tentang program perkhemahan akan memperolehi peningkatan yang tinggi semasa ujian pasca. Dalam kajian ini pula, paras pengetahuan peserta semasa ujian pra adalah tinggi. Oleh kerana itu peningkatan skor semasa ujian pasca tidak menunjukkan satu peningkatan yang ketara. Walau

bagaimanapun, secara keseluruhannya, perkhemahan yang dijalankan ini mendatangkan kesan positif kepada kesepaduan kumpulan peserta.

Persoalan Kajian 2

Bagaimana kesepaduan dalam kumpulan pelajar Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI dipengaruhi oleh faktor-faktor demografi berikut: (a) umur, (b) jantina, (c) kelayakan akademik, (d) pengalaman dalam bidang rekreasi dan (e) lokasi tempat tinggal.

Sebagai mana yang dinyatakan pada awalnya, dapatan kajian turut dipengaruhi oleh faktor demografi seperti tempoh masa program, jantina peserta, bagasa, umur, campuran jantina dalam kumpulan, keaslian program (tempat), pengalaman lalu, organisasi yang menjalankan program dan kualiti pembelajaran (Hattie et al., 1997). Oleh yang demikian, tujuan persoalan kajian yang kedua ini adalah untuk menentukan pengaruh pembolehubah tersebut terhadap peningkatan kesepaduan dalam kumpulan peserta perkhemahan.

Umur

Data kuantitatif digunakan bagi mengkaji kesan pengaruh umur terhadap peningkatan dalam kesepaduan kumpulan. Hasil daripada analisis ANOVA mendapati keempat-empat kelas peringkat umur ini adalah tidak signifikan samada semasa ujian pra ($p=.478$) atau ujian pasca ($p=.441$). Walau bagaimanapun terdapat peningkatan skor min bagi setiap peringkat umur setelah melalui kem perkhemahan. Ini menunjukkan terdapatnya peningkatan kesepaduan walaupun tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Keadaan ini adalah disebabkan oleh jumlah responden yang tidak selaras bagi setiap peringkat umur dan kesemua responden melebihi umur 20 tahun. Menurut Ewert & Heywood, (1991; petikan dari Hattie et al., 1997) pelajar yang lebih muda (16 hingga 21 tahun) menyertai pendidikan luar disebabkan oleh

cabaran fizikal manakala pelajar yang lebih tua (21 tahun dan ke atas) menyertai kem adalah bagi memperkembangkan gaya pemikiran baru.

Faktor ini dikesan mempengaruhi dapatan kajian. Ini disokong oleh Turner dan Helms (1983; petikan dari Edginton, et al. 1992; m.s. 97) dalam kajiannya yang menegaskan, apabila umur individu meningkat, umur menjadi kriteria yang paling rendah untuk membandingkan perkembangan individu. Selain itu, Sekine (1994; petikan dari Henderson, 2001; m.s. 4) dalam kajian yang dijalankan mendapati, kanak-kanak menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam lokus kawalan dan keyakinan diri berbanding dengan peserta dewasa.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh mereka, penyelidik berpendapat antara faktor yang menyumbang kepada keadaan ini (tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan) adalah responden yang berumur melebihi 20 tahun menyebabkan kurangnya faktor ini mempengaruhi kesepaduan kumpulan.

Jantina

Berdasarkan analisis ANOVA, keputusan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan semasa ujian pra di antara kedua-dua jantina ($p=.022$). Analisis kuantitatif menunjukkan skor min perempuan mengatasi lelaki (lelaki, $M=3.815$; perempuan, $M=3.991$) dan meningkat lebih tinggi semasa ujian pasca (lelaki, $M=4.024$; perempuan, $M=4.339$) Manakala semasa ujian pasca turut terdapat perbezaan yang signifikan ($p=.001$). Berdasarkan kajian terdahulu (Blocker & Eckberg, 1989; Brody, 1984; Hamilton, 1985a,b; Sarin, 1985; Shah & Shah, 1995; petikan dari Momsen, 2000; m.s 4) menyatakan perempuan secara signifikan lebih mengambil berat terhadap kesepaduan kumpulan berbanding lelaki. Selain itu kajian lain yang menumpukan terhadap perbezaan jantina dalam penglibatan pendidikan luar turut mendapati keputusan yang sama (Brody, 1984; Hamilton, 1985; McStay & Dunlap, 1983; Mohai, 1992; Passiano & Lounsbury,

1976; Van Liere & Dunlap, 1980; Wright & Floyd, 1992; petikan dari MacDonald dan Hara, 1994; m.s 4).

Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa lelaki kurang peka terhadap persekitaran dan kurang cenderung berkaitan kesepaduan kumpulan. Kenyataan ini berasaskan Mohai (1992), yang mana menyatakan, lelaki telah disosialisasikan sebagai pembawa perubahan terhadap sains dan teknologi. Oleh yang demikian, lelaki lebih bersifat 'maskulin' dan menunjukkan kualiti rasional serta sifat ingin bersaing. Manakala perempuan pula telah disosialisasikan sebagai 'feminin' dan bersifat mengambil berat serta mempunyai mentaliti keibuan. Hasilnya dalam kajian ini perempuan lebih signifikan berbanding lelaki terhadap kesepaduan dalam kumpulan.

Kelayakan akademik

Bagi menjawab persoalan ini penyelidik menggunakan analisis kuantitatif untuk mengkaji pengaruh kelayakan akademik terhadap kesepaduan kumpulan. Keputusan kuantitatif menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kumpulan STPM, sijil IPT dan Diploma. Analisis ANOVA yang membandingkan ujian pra dan pasca mendapati wujudnya peningkatan bagi setiap kumpulan semasa ujian pasca walaupun tidak menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan samada semasa ujian pra ($p=.266$) atau ujian pasca ($p=.113$). Ini jelas menunjukkan bahawa kelayakan akademik bukanlah faktor yang mempengaruhi kesepaduan kumpulan. Bertentangan dengan dapatan kajian ini, Marsh & Richard, (1988) menyatakan pelajar yang berasaskan kelayakan akademik yang tinggi, lebih baik pemahaman dan aksinya semasa menjalani perkhemahan. Gillis (1981) dalam kajiannya mendapati, setelah dijalankan kajian terhadap 66 orang pelajar yang rendah pencapaian dalam bidang akademik, mereka menunjukkan peningkatan yang positif dalam bidang akademik dan konsep sendiri setelah menjalani kem perkhemahan.

Walau bagaimanapun, jika dilihat dari aspek perbezaan taraf kelayakan akademik ketiga-tiga kelayakan akademik tersebut adalah setaraf. Oleh yang demikian pengkaji berpendapat, faktor yang mempengaruhi keputusan adalah disebabkan oleh bilangan pelajar yang tidak seimbang bilangannya bagi setiap peringkat umur.

Pengalaman dalam bidang rekreasi.

Analisis kuantitatif digunakan bagi mengkaji pengaruh pengalaman dalam bidang rekreasi terhadap kesepaduan peserta dalam kumpulan. Hasilnya, daripada analisis ANOVA, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kedua-dua ujian pra ($p=.355$) dan ujian pasca ($p=.945$). Perbandingan melalui analisis ANOVA mendapati skor ujian pra dan pasca, menunjukkan terdapat pengaruh yang lemah di antara ketiga-tiga kategori pengalaman. Pelajar kumpulan *tiada pengalaman* mencatatkan lebih banyak peningkatan bagi kedua-dua ujian pra dan pasca ($M=3.849$, $M=4.115$) berbanding kumpulan *1 hingga 5 tahun pengalaman* ($M=3.864$, $M=4.089$) dan kumpulan *melebihi 5 tahun* ($M= 4.108$, $M=4.158$).

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kumpulan *melebihi 5 tahun* tidak menunjukkan kesepaduan. Skor min bagi kumpulan ini semasa ujian pra hampir menyamai skor min ujian pasca bagi kumpulan *tiada pengalaman*. Pengkaji telah menjelaskan pada awal bab dengan sokongan Shepard dan Speelman (1986), yang menyatakan peserta yang rendah tahap pengetahuan tentang program perkhemahan akan memperolehi peningkatan yang tinggi semasa ujian pasca.

Kajian yang dijalankan oleh Conrad dan Hedin, (1982; petikan dari Sibthorp, 2003; m.s 4) mendapati kebanyakan pelajar mengandaikan bahawa pengalaman lalu dalam rekreasi membantu menyumbang perkembangan dalam program pendidikan luar. Witman (1993), dalam kajiannya menyatakan peserta

program menilai 'proses' melebihi dari 'kandungan'. Ini dibuktikan melalui perbandingan pendapat peserta program, berkenaan pengalaman mereka tentang aktiviti yang dirasakan paling bernilai. Setelah dibandingkan dengan pemerhatian oleh pakar, didapati peserta tidak menunjukkan nilai afektif daripada aktiviti yang dijalankan. Dari aspek perbandingan dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Kajian menunjukkan peserta menunjukkan nilai afektif yang tinggi melalui kesepaduan kumpulan. Faktor ini adalah berkemungkinan pada pendapat pengkaji disebabkan oleh pengelolaan kem yang dijalankan sebaik mungkin oleh pengendali. Selain itu kem yang dijalankan bukanlah berasaskan penilaian. Oleh yang demikian keadaan ini akan dapat membantu peserta menunjukkan nilai sebenar tanpa perlu memikirkan yang diri mereka sedang dinilai.

Pada asasnya pengkaji berpendapat, pengalaman bagi setiap peserta program adalah berbeza. Berkemungkinan program rekreasi yang dijalani oleh mereka tidak menekankan kesepaduan dalam kumpulan. Oleh yang demikian kesan yang ditunjukkan melalui pengalaman yang diperolehi turut berbeza. Gass, et al. (2003), menjelaskan orientasi pengalaman memberi kesan terhadap orang ramai dengan cara yang berbeza.

Sungguhpun begitu, dalam kajian ini pengkaji berpendapat antara faktor yang tidak menyumbang terhadap kesepaduan ialah bilangan peserta yang *tiada pengalaman* terlalu tinggi (n=73) serta bilangan peserta tidak selaras bagi setiap kumpulan. Oleh yang demikian faktor ini mungkin mempengaruhi dapatan kajian.

Lokasi tempat tinggal.

Penyelidik menggunakan analisis kuantitatif bagi melihat pengaruh lokasi tempat tinggal terhadap kesepaduan kumpulan. Keputusan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor lokasi tempat

tinggal yang mendorong terhadap kesepaduan kumpulan samada semasa ujian pra ($p=.940$) atau ujian pasca ($p=.248$). Skor min bagi peserta lokasi luar bandar meningkat setelah melalui kem (0.296) berbanding peserta lokasi bandar (0.19).

Merujuk dapatan kajian ini pengkaji berpendapat peserta dari lokasi luar bandar lebih dekat dengan alam semulajadi. Oleh yang demikian, mereka lebih mudah untuk bergaul dalam kumpulan yang ramai di persekitaran semulajadi. Persekitaran yang sama semasa menjalani perkhemahan membantu peserta dari lokasi luar bandar mengadaptasikan diri terhadap alam sekeliling (Miller, 1997). Manakala bagi peserta bandar pula, pada pendapat pengkaji berdasarkan kenyataan (Miller, 1997) sedikit sukar untuk menyesuaikan diri kerana persekitaran asal mereka tidak sama semasa program perkhemahan. Ini memberi kesan terhadap peningkatan semasa ujian pasca. Keadaan ini pada pendapat pengkaji adalah berkemungkinan disebabkan oleh peserta bandar yang terlalu asyik menikmati alam tanpa sempat bersosial, manakala bagi peserta luar bandar pula, mereka mungkin telah jemu dengan situasi sedemikian dan mencari peluang untuk bersosial.

Walaupun bagaimanapun kedua-dua lokasi menunjukkan peningkatan semasa ujian pasca. Ini disokong oleh Garst, et al. (2001), yang menyatakan persepsi diri remaja meningkat sejurus selepas melalui pengalaman pendidikan luar. Walaupun peserta mewakili sosio-budaya yang berbeza, mereka telah ditempatkan pada suatu situasi dimana setiap individu pada asasnya adalah sama. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian, penyelidik menyifatkan lokasi tempat tinggal bukanlah pembolehubah yang mempengaruhi kesepaduan dalam kumpulan.

Persoalan Kajian 3.

Adakah terdapat perbezaan kesepaduan kumpulan di kalangan pelajar UPSI berbanding pelajar IPDA yang mengikuti Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI?

Analisis kuantitatif dan kualitatif (pemerhatian) masih lagi digunakan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan ini. Untuk melihat perbezaan kesepaduan di kalangan pelajar UPSI dan PKPG, penyelidik menggunakan Ujian-t Sampel Tidak Bersandar. Keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar UPSI dan PKPG semasa ujian pra ($p=.145$) dan ujian pasca ($p=.391$). Peningkatan skor min berlaku bagi kedua-dua kumpulan semasa ujian pasca. Walau bagaimanapun skor min bagi pelajar UPSI lebih tinggi berbanding pelajar PKPG.

Pengkaji percaya jika dilihat dari segi peningkatan skor min, pelajar UPSI lebih menunjukkan kesepaduan berbanding PKPG. Sungguhpun begitu perkara ini tidak boleh dijadikan sebagai ukuran kerana jika dilihat dari aspek bilangan peserta bagi kedua-dua kampus adalah berbeza. Pelajar UPSI lebih ramai bilangannya ($n=85$) daripada pelajar PKPG ($n=18$). Keadaan ini berkemungkinan mempengaruhi dapatan kajian.

Melalui pemerhatian penyelidik sepanjang mengikuti program, pelajar PKPG kurang menunjukkan komitmen terhadap aktiviti sepanjang program dijalankan. Pada pendapat pengkaji mereka berkemungkinan merasakan aktiviti yang dijalankan adalah membosankan. Ini berasaskan rungutan yang diluahkan oleh salah seorang peserta terhadap rakan fasilitator. Keadaan yang sama berlaku dalam kajian oleh Barry, et al. (2003). Mereka mendapati bahawa peserta menolak untuk berbincang tentang pengalaman perkhemahan yang mereka lalui. Mereka menganggap perkhemahan adalah sesuatu yang 'bodoh' dan 'membosankan'. Casson dan Gillis (1994; petikan dari Neill & Richards

1998; m.s 6), mendapati remaja menunjukkan hasil kesepaduan yang lebih kukuh berbanding orang dewasa.

Sebagai kesimpulannya, pengkaji boleh mengatakan pelajar UPSI lebih menunjukkan kesepaduan berbanding pelajar PKPG jika dilihat dari aspek skor min dan sokongan daripada pemerhatian pengkaji.

Persoalan Kajian 4.

Apakah bentuk program atau aktiviti (sekiranya wujud) yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan pelajar Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar UPSI?

Bagi menjawab persoalan kajian ini pengkaji menggunakan kedua-dua analisis kuantitatif dan kualitatif (pemerhatian). Analisis kekerapan dan peratusan digunakan bagi melihat bentuk program atau aktiviti dari aspek kuantitatif. Berdasarkan keputusan pengkaji mendapati, aktiviti 'team building' adalah merupakan peratusan tertinggi iaitu 43.3%, diikuti oleh aktiviti 'tubbing' 23.3%. Manakala 'trekking' adalah pilihan yang ketiga dengan peratusan 20% dan yang terakhir adalah 'orienteering' dengan 13.3%. Walaupun begitu, dapatan ini tidak mewakili keseluruhan sampel kajian. Dapatan hanya mewakili 35% pelajar dari kampus UPSI sahaja. Oleh itu dapatan ini tidak sesuai digeneralisasikan sebagai mewakili keseluruhan kumpulan Kem Perkhemahan Amali 1 Pendidikan Luar Semester Pertama Sesi Ambilan Jun 2004 / 2005.

Dapatan ini diperolehi melalui ujian pasca lanjutan yang diedarkan kepada peserta setelah sembilan bulan kem perkhemahan berlalu. Walau bagaimanapun oleh kerana kekangan musim peperiksaan hanya 35% pelajar dari kampus UPSI sahaja yang dapat direkodkan keputusannya.

Pada pendapat pengkaji aktiviti 'team building' mendapat undian tertinggi adalah kerana aktiviti ini sememangnya mempunyai nilai tersendiri dalam meningkatkan kesepaduan kumpulan peserta. Menurut Glass dan Benshoff (2002), program yang mencabar telah direka bentuk struktur dan pengalaman supaya mampu memperkembangkan kesepaduan kumpulan yang mana memerlukan sesebuah kumpulan bekerjasama bagi menyelesaikan sesuatu tugas. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna aktiviti lain tidak bernilai dan tidak menyumbang terhadap kesepaduan kumpulan. Aktiviti tubing dan trekking pada asasnya mempunyai nilai yang sama. Begitu juga dengan aktiviti orienteering. Ketiga-tiga aktiviti ini mempunyai nilai tersendiri dalam membentuk kesepaduan. Pada pendapat pengkaji melalui pemerhatian, keadaan ini berlaku adalah kerana aktiviti team building lebih menjurus kepada bentuk permainan dan menyeronokkan. Manakala aktiviti lain kurang menjurus kepada permainan dan memenatkan.

Pengkaji mendapati kesemua aktiviti yang dijalankan adalah menjurus kepada kesepaduan kumpulan. Walau bagaimanapun bergantung kepada peserta yang menjalankan aktiviti untuk menilai kualiti bagi setiap aktiviti yang mendorong kepada kesepaduan kumpulan. Sesetengah kajian mencadangkan aktiviti dalam pendidikan luar sebagai 'kenderaan' bagi mengukuhkan hubungan sosial peserta dan kemahiran interpersonal (Garst, et al. 2001). Aktiviti 'team building' pada asasnya memerlukan peserta bekerjasama dalam menyelesaikan setiap masalah yang diwujudkan. Oleh yang demikian berpegangan tangan (body contact) dan sokongan dari setiap ahli kumpulan akan lebih berkesan secara keseluruhannya dalam meningkatkan kesepaduan (Gass, 1990; petikan dari Sibthorp; m.s 8).

Kesimpulan dan rumusan.

Bahagian ini akan menyatakan tentang implikasi dapatan kajian dan rumusan tentang keseluruhan dapatan kajian. Kajian ini melibatkan analisis kuantitatif dan kualitatif (pemerhatian) yang menilai perkembangan kem perkhemahan dan pengaruhnya terhadap kesepaduan dalam kumpulan peserta (pelajar) program. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah bagi melihat kesan kem perkhemahan yang dijalankan terhadap kesepaduan kumpulan peserta. Jika terdapat kesan yang positif, kajian ini cuba menghuraikan secara deskriptif faktor demografi (umur, jantina, kelayakan akademik, pengalaman dalam bidang rekreasi dan lokasi tempat tinggal) yang mempengaruhi peserta cenderung terhadap kesepaduan kumpulan. Selain itu kajian ini juga menghuraikan perbezaan kesan di antara peserta dari kampus UPSI dan IPDA. Akhir sekali, kajian ini turut menghuraikan bentuk program atau aktiviti yang mendorong peserta mencapai kesepaduan di dalam kumpulan mereka.

Hasilnya penemuan daripada kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu perkembangan pendidikan di Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan luar. Pengkaji mendapati di Malaysia masih kekurangan kajian dalam bidang pendidikan luar. Oleh yang demikian, hasil daripada penemuan ini sekurang-kurangnya dapat membantu menambahkan lagi kajian dan membuktikan keberkesanan pendidikan luar dalam meningkatkan kesepaduan kumpulan.

Secara keseluruhannya, kajian mendapati perkhemahan pendidikan luar yang dijalankan ini memberikan kesan terhadap kesepaduan dalam kumpulan peserta. Faktor demografi kecuali jantina, tidak mempengaruhi peserta dalam peningkatan kesepaduan kumpulan.

Penemuan daripada kajian ini menyokong kajian lampau yang dilakukan oleh Allain (1996; petikan dari Boyle, 2003; m.s 44) dan Garst, Scheider dan Baker (2001) yang mengatakan pendidikan luar mampu meningkatkan

kesepaduan dalam kumpulan. Walau bagaimanapun, kajian ini menghasilkan satu dapatan baru yang bertentangan dengan dapatan kajian oleh Hattie, Marsh, Neill dan Richards (1997), yang menyatakan antara faktor-faktor yang mempengaruhi hasil adalah tempoh masa program, jantina peserta, jenis peserta, umur, campuran jantina dalam kumpulan, keaslian program (tempat), organisasi yang menjalankan program dan kualiti pembelajaran. Oleh kerana kajian ini dijalankan di dua kawasan yang berbeza, berkemungkinan pelbagai faktor yang mempengaruhi dapatan kajian. Sosio budaya yang berbeza dan bentuk muka bumi yang tidak sama adalah berkemungkinan merupakan faktor-faktor percanggahan dapatan ini. Selain itu, kemajuan dan teknologi sesebuah negara adalah tidak sama dan ini menyumbang kepada perbezaan dapatan.

Kajian ini turut mendapati tidak terdapat perbezaan kesepaduan di antara pelajar UPSI dan pelajar PKPG. Walau bagaimanapun, pelajar UPSI menunjukkan peningkatan kesepaduan yang lebih berbanding pelajar PKPG. Manakala bagi aktiviti atau program yang paling mendorong terhadap kesepaduan kumpulan adalah aktiviti team building.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan Teori Perubahan Sikap oleh Hanna's (1995), terbukti benar dan boleh diguna pakai bagi kajian akan datang. Kajian mendapati, terdapat perubahan sikap yang positif terhadap kesepaduan kumpulan. Wujud kesan kesepaduan yang tinggi semasa ujian pasca berbanding pra. Walau bagaimanapun sebagai mana yang telah dinyatakan pada awalnya, kajian ini hanya melihat aspek sikap terhadap kesepaduan kumpulan dan tidak menjurus kepada ingatan dan tingkah laku terhadap kesepaduan kumpulan dalam model Hanna (1997).

Cadangan

Seterusnya bahagian ini akan mengutarakan cadangan pengkaji berkaitan kajian yang telah dijalankan. Huraian cadangan ini akan dibahagikan kepada

beberapa bahagian yang mana pada bahagian pertama pengkaji akan mengutarakan cadangan semasa kem pra. Keduanya sewaktu kem perkhemahan, dan yang terakhir selepas (pasca) kem.

Pra kem.

Melalui dapatan kajian, pengkaji merumuskan peserta telah mempunyai nilai yang positif tentang kesepaduan sebelum menjalani kem perkhemahan. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bagi meningkatkan lagi paras kesepaduan kumpulan, mereka perlulah terlibat secara langsung dari segi persiapan sebelum menyertai kem perkhemahan. Cadangan ini berdasarkan pemerhatian pengkaji sebagai salah seorang fasilitator di mana segala persiapan bagi menjalankan kem dilakukan oleh pihak fasilitator. Selain itu perlulah diadakan satu aktiviti yang mana boleh menemukan kesemua pelajar yang terdiri daripada pelajar PKPG dan UPSI. Dengan cara ini mereka akan lebih mengenali di antara satu sama lain sebelum mengikuti kem perkhemahan. Hasilnya kesepaduan akan lebih meningkat.

Sewaktu perkhemahan.

Pada peringkat ini, pengkaji mencadangkan agar untuk kajian akan datang tempoh masa kem orientasi ini di lanjutkan lebih lama. Casson dan Gillis (1994; petikan dari Neill & Richards 1998; m.s 6) dalam kajiannya menyatakan, terdapat perhubungan yang positif di antara tempoh masa program dan hasil yang diperolehi. Ini menjelaskan bahawa semakin lama tempoh masa sesuatu kem, maka semakin banyak kesan positif yang akan diperolehi. Walau bagaimanapun perkara ini bergantung kepada individu untuk menilai. Gass, Garvey dan Sugerman (2003), menjelaskan orientasi pengalaman memberi kesan terhadap orang ramai dengan cara yang berbeza.

Selain itu pengkaji menyarankan agar pengkaji akan datang yang berminat untuk mengkaji tentang topik ini agar membuat analisis secara kualitatif. Dapatan daripada analisis ini akan dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan oleh pengkaji. Bilangan peserta disarankan agar selaras bagi membolehkan dapatan kajian benar-benar mewakili sampel kajian.

Pasca Kem.

Bagi fasa selepas kem pengkaji mencadangkan kajian ini diteruskan dengan menjalankan ujian bagi subjek yang sama selepas beberapa tahun subjek melalui kem. Dengan ini, pengkaji akan dapat melihat orientasi pengalaman peserta dalam program yang telah dilalui. Gass, et al. (2003), menjelaskan orientasi pengalaman memberi kesan terhadap orang ramai dengan cara yang berbeza. Dalam kajiannya yang dijalankan selepas 17 tahun menjalankan program terhadap responden, mereka ditemuramah kembali melalui telefon dan direkodkan (*recollective*), didapati wujud kesan positif yang konsisten dan wujud beberapa tema berkaitan pengalaman yang telah mereka lalui. Berasaskan ujian ini pengkaji akan dapat melihat samada kesepaduan kumpulan akan dapat dikekalkan setelah peserta meninggalkan kem dan kembali ke rumah atau persekitaran asal mereka (Pommier & Witt, 1995; petikan dari Garst et al. 2001; m.s 42).

Rujukan

- Abu Bakar Sidek, M. I. (2004) *Sinopsis kursus Pendidikan Luar*. Unpublished Synopsis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Alwi, A.R. (1992) *Panduan perkhemahan, simpulan dan pioneering untuk Pengakap dan Pandu Puteri*. Fajar Bakti. Kuala Lumpur.
- Barry, A. G., Rachele, H. T., & Jeremy, J. (2003). Youth development at summer camp. *The Camping Magazine*, 76, 3. pg. 8
- Baumgartner, T. A., Strong, C. H., & Hensen, L. D. (2002). *Conducting and reading research in health and human performance* (3rd ed.) New York: McGraw-Hill Higher Education.
- Boyes, M. (2003, 14 – 16 April 2003). *Outdoor educator as agent of the state*. Paper presented at 13th National Outdoor Education Conference Proceedings Adelaide South Australia. Outdoor Educator of South Australia.
- Boyle, I. (2003, 14-16 April 2003). *The impact of adventure-based training on team cohesion and psychological skill development in elite sporting teams*. Paper presented at 13th National Outdoor Education Conference Proceedings Adelaide South Australia. Outdoor Educator of South Australia.
- Brookes, A. (1994). Reading between the lines: Outdoor experience as environmental text. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 65(8), 28 - 33.
- Brown, R. G. (1998). *Outdoor learning centers: realistic social studies experiences for K-6 students*. University of Otago Library expanded academic ASAP. p199(6)
- Chenery, M. F. (1994). Explaining the value of camp. *Camping Magazine*. May-Jun. Pg. 21
- Cox, R. H. (1998). *Sport psychology concept and application*. United State of America: Brown and Benchmark
- Crandall, D. A. (1990) Outdoor Recreation Tomorrow-Blending Traditions and Trends. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*. pg. 43
- Edginton, C. R., Hanson, C. J. & Edginton, S. R. (1992). *Leisure programming: Concept, trend, and profesional practice* (2nd ed.). United State of America: Wm. C. Brown Communication, Inc.

- Ford, P. (1986). *Outdoor education: Definition and philosophy* (ERIC digests in full text). New Mexico: ERIC Clearinghouse on Rural Education and Small Schools.
- Ford, P. M. (1981). *Principles and practices of outdoor environmental education*. New York: John Wiley and Sons.
- Fischer, R. L. & Attah, E. B. (2001). City kids in the wilderness: A pilot-test of Outward Bond for foster care group home youth. *The Journal of Experiential Education*, 24(2). pp. 109-117
- Gair, N. P. (1997). *Outdoor education: Theory and practice*. London: Cassel Publishing.
- Garst, B., Scheider, I. & Baker, D. (2001). Outdoor adventure program participation impacts on adolescent self-perception. *The Journal of Experiential Education*. pg. 41
- Gass, M. A., Garvey, D. E., & Sugerman D. A. (2003). The long-term effects of a first-year student wilderness orientation program. *The Journal of Experiential Education*. pg. 34.
- Gillis, H. L. (1981). *The effect of camping/construction experience on the self concepts, locus of control, and academic achievement of high school students*. Unpublished master's thesis, Middle Tennessee State University.
- Glass, J. Scott., & Benshoff J. M. (2002). Facilitating group cohesion among adolescents through challenge course experiences. *The Journal of Experiential Education*, 25(2)p. 268
- Gough, A. G. (1990). Environmental education. In K. McRae (Ed.), *Outdoor and environmental education: Diverse purpose and practices* (pp. 41 - 53). Melbourne: Macmillan Education Australia Pty. Ltd
- Hammerman, D. R., Hammerman, W. M., & Hammerman, E. L. (2001). *Teaching in the outdoors* (5th ed.). Illinois: Interstate Publishers Inc
- Hammersley, C. H. (1992). If We Win, I Win-Adventure Education in Physical Education. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 63(9)
- Hanna, G. (1995). Wilderness related environmental outcomes of adventure and ecology education programming. *Journal of Environmental Education*, 27(1), 21 - 32.

- Hans, T. A., (1997). A meta-analysis of the effects of adventure programming on locus of control. *Unpublished Master of Science Thesis, Psychology Graduate Faculty, Georgia College, Milledgeville, GA*
- Hatta, W. (2005, 7 Jan). Hanya 190 remaja gagal sertai PLKN. *Utusan Malaysia*, p. 3
- Hattie, J., Marsh, H. W., Neill, J. T. & Richards, G. E. (1997). Adventure education and Outward Bound: Out-of-class experiences that have a lasting effect. *Review of Educational Research*, 67, 43-87.
- Hayllar, B. (1990). Adventure education. In K. McRae (Ed.), *Outdoor and environmental education: Diverse purpose and practices* (pp. 54 - 73). Melbourne: Macmillan Education Australia Pty. Ltd
- Hayllar, B. (1990). Residential outdoor education. In K. McRae (Ed.), *Outdoor and environmental education: Diverse purpose and practices* (pp. 125 - 144). Melbourne: Macmillan Education Australia Pty. Ltd
- Henderson, K. A. (2001) *Camping gives kids an endless world of good*. Parks & Recreation; Nov 2001; 36, 11. pg. 14
- Hilmi, I. & Kathleen, A. C. (1993). *Outdoor Recreation*. Brown & Benchmark Publisher
- Horn, T. S. (1992). *Advances in sport psychology*. Human Kinetics Publisher, USA.
- Isjoni, (2004). *Pendidikan luar sekolah*. Retrieved 7 November, 2004, from <http://www.pts.co.id/kursus.asp>
- Johnson, C. W., (2003). *What is camping? An interpretation*. The Camping Magazine, 76, 4, p. 56.
- Kamal, A.A., (1997) *Asas perkhemahan dan Ikhtiar hidup*. Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- Klint, K. A., & Priest, S., (1998). Qualitative research on transfer of effectiveness of a cooperative adventure training programme. In C. Loynes (Ed.), *Outdoor management development* (pp. 24-30). Penrith, Cumbria, England: Adventure education.
- Knapp, C., (1990). Outdoor education in the United States: Yesterday, today and tomorrow. In K. McRae (Ed.), *Outdoor and environmental education: Diverse purpose and practices* (pp. 28). Melbourne: MacMillan Education Australia Pty. Ltd.

- Marsh, H. W., & Richards, G. E., (1988). The Outward Bound bridging course for low achieving high school male: Effect on academic achievement and multidimensional self concept. *Australian journal of psychology*, 40,p.281-298.
- Masrina, M. Y., (2000, 17 Mei). Aktiviti rekreasi perlu revolusi. *Berita Harian*, pp. 16.
- McRae, K. (1990). Integrated outdoor education. *Outdoor and environmental education: Diverse purpose and practices* (pp. 75-91). Melbourne: Macmillan Education Australia Pty. Ltd
- Md Amin, M. T. (2004). *A residential outdoor education camp and environmental attitudes: A case study*. Unpublished master thesis, University of Otago, Dunedin, New Zealand.
- Meier, J. F., & Mitchell, A. V. (1993). *Camp Counseling: Leadership and programming for the organized camp*. Brown & Benchmark Publisher
- Miller, J. (1997). The impact of servis learning experience on students' sense of power. *The Michigan Journal of Community Service Learning*, 4, p.16-21
- Mittelstaedt, R., Sanker, L., & VanderVeer, B. (1999). Impact of a week-long experiential education program on environmental attitude and awareness. *Journal of Experiential Education*, 22(3), 138 - 148.
- Mohai, P. (1992). Men, women and the environment: An examination of the gender gap in environmental concern and activism. *Society and Natural Resources*, 5, 1-19
- Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Mohd Shauki A., M. (2005, 7 Jan). Memetik iktibar perpaduan. *Utusan Malaysia*, m.s 6
- Momsen, J. H.(2000).Gender differences in environmental concern and perception. *The Journal of Geography*,(99)2, p.47
- Neill, J. T., & Richards, G. E. (1998). Does outdoor education really works? A summary of recent meta-analyses. *Australian Journal of Outdoor Education*, 3(1), m.s.6
- Normar, A. (2000). *Pesepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan dan keberkesanan amali pendidikan luar di maktab perguruan zon timur*.

- Unpublished master thesis, Maktab Perguruan Kuala Terengganu.
- Priest, S. & Gass, M. A. (1997). *Effective Leadership in Adventure Programming*. Champaign, IL: Human Kinetics
- Priest, S. (1986). Redefining outdoor education: A matter of many relationship. *Journal of Environmental Education*, 17(3), 13–15
- Schoel, J., Prouty, D., & Radcliffe, P. (1988). *Islands of healing: A Guide to Adventure Based Counselling*. University of New Hampshire.
- Shepard, C. L., & Speelman, L. R. (1986). Affecting environmental attitudes through outdoor education. *Journal of Environmental Education*, 17(2), 20 -23.
- Sibthorp, J. (2003). An empirical look at Walsh and Gollins' adventure education process model: Relationship between antecedent factor, perception of characteristics of an adventure education experience , and change in self-efficacy. *Journal of Leisure Research*, 35(1), 80-106.
- Smith, J. W., Carlson, R. E., Donaldson, G. W., & Masters, H. B. (1972). *Outdoor education (2nd ed)* In. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Steele, G. J. (1999). *A Camp for the Future*. New York State Conservationist. Wilson General Science Abstracts. pg. 20
- Witman, J. P. (1993). Characteristics of adventure program valued by adolescents in treatment. *Therapeutic Recreation Journal*, 27(1), p. 44-50.
- Wright, S. (1997). Agassiz Village: Case history of a residential field experience. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 68(2), 53 – 57
- Zul Husni, A. (2001, 23 Jun). Program perkhemahan tingkatan kesepaduan remaja. *Minda Pelajar*. m.s. 7

LAMPIRAN A**SURAT KEBENARAN MENGEDAR BORANG SOAL SELIDIK**

Mazuki bin Mohd Yasim,
Pendidikan Sains Sukan
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.

Ruj. Kami : Bil. (1). UPSI
Ruj. Tuan :
Tarikh : 3 Mei 2004

Kepada :
Ketua Jabatan,
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.

Yang Berbahagia Dr.,

**MOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN TERHADAP PELAJAR SEMESTER
PERTAMA SESI AMBILAN JUN 2004 / 2005.**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Dr., terhadap perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saya akan menjalankan satu kajian berkaitan bidang pendidikan luar terhadap pelajar yang dinyatakan di atas. Untuk makluman pihak Yang Berbahagia Dr., tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melengkap keperluan kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan.. Berikut adalah maklumat kajian yang bakal dijalankan:

**Tajuk kajian : Kesan Perkhemahan Pendidikan Luar Terhadap Kesepaduan Kumpulan
Pelajar Semester Pertama Sesi Ambilan Jun 2004 / 2005.**
Tarikh : 16-18 Julai 2004
Instrumen : Soal selidik
Tempat : Kem Rekreasi Perlok.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon jasa baik pihak Yang Berbahagia Dr., untuk membenarkan penggunaan pelajar sebagai subjek dalam kajian saya.

Kerjasama dan sokongan Yang Berbahagia Dr., dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

"KE ARAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN"

Yang Benar,

.....
(MAZUKI BIN MOHD YASIM)

Pelajar Semester 7 (D20012O09756)

Fakulti Sains Sukan, UPSI.

s.k Pensyarah Kursus Pendidikan Luar.

Mazuki bin Mohd Yasim,
Pendidikan Sains Sukan,
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.

Ruj. Kami : Bil. (2). UPSI
Ruj. Tuan :
Tarikh : 3 Mei 2004

Kepada :
Pensyarah Kursus Pendidikan Luar (KSS 1023),
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

**MOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN TERHADAP PELAJAR SEMESTER
PERTAMA SESI AMBILAN JUN 2004 / 2005.**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Tuan, terhadap perkara di atas.

4. Sukacita dimaklumkan bahawa saya akan menjalankan satu kajian berkaitan bidang pendidikan luar terhadap pelajar yang dinyatakan di atas. Untuk makluman pihak Tuan, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melengkapi keperluan kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan.. Berikut adalah maklumat kajian yang bakal dijalankan:

**Tajuk kajian : Kesan Perkhemahan Pendidikan Luar Terhadap Kesepaduan Kumpulan
Pelajar Semester Pertama Sesi Ambilan Jun 2004 / 2005.**
Tarikh : 16-18 Julai 2004
Instrumen : Soal selidik
Tempat : Kem Rekreasi Perlok.

5. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon jasa baik pihak Tuan, untuk membenarkan penggunaan pelajar dari kursus kendalian Tuan sebagai subjek dalam kajian saya.

Kerjasama dan sokongan Tuan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

”KE ARAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN”

Yang Benar,

.....
(MAZUKI BIN MOHD YASIM)
Pelajar Semester 7 (D20012O09756)
Fakulti Sains Sukan, UPSI.
s.k Ketua Jabatan Fakulti Sains Sukan, UPSI.

LAMPIRAN B
BORANG SOAL SELIDIK

--	--	--

SOAL SELIDIK KEM ORIENTASI

Makluman

Soal selidik ini bukannya ujian peperiksaan dan tidak mengandungi sebarang respons betul atau salah. Ia bertujuan untuk mengenalpasti pencapaian objektif Kem Orientasi Pendidikan Luar terhadap pelajar Sains Sukan Semester Satu Sesi Ambilan Jun 2004.

Sehubungan itu, respons ikhlas anda amat diperlukan. Respons akan dirahsiakan dan tidak akan memberikan sebarang impak negative terhadap pengajian anda di UPSI. Maklumat yang anda berikan kelak akan membantu pihak jabatan dan universiti dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran pendidikan luar yang lebih berkesan.

Kerjasama dan respons ikhlas anda dalam membantu menjayakan kajian ini didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

SEMUA KENYATAAN YANG DIBERIKAN ADALAH SULIT

Sila tandakan X atau isikan respons anda di sebelah pernyataan yang diberikan.

1. Umur : _____

2. Jantina :

Lelaki	
Perempuan	

3. Bangsa :

Melayu	
Cina	
India	
Lain-lain	

4. Agama :

Islam	
Buddha	
Hindu	
Kristian	
Lain-lain	

Nyatakan : _____

5. Lokasi tempat tinggal dalam lima (5) tahun terkini

Bandar	
Luar Bandar	

6. Status Perkahwinan

Bujang	
Berkahwin	
Duda/Janda	

7. Pekerjaan sebelum melanjutkan pelajaran di UPSI

Tidak berkerja	
Pelajar	
Kerajaan	
Swasta	
Sendiri	

8. Kelayakan akademik tertinggi

STPM	
Matrikulasi	
Sijil IPT (perguruan, kolej dll.)	
Diploma	
Lain-lain	

Nyatakan : _____

9. Pengalaman dalam bidang pendidikan luar atau rekreasi

Tiada pengalaman	
1 hingga 5 tahun	
Lebih dari 5 tahun	

10. Pengalaman mengajar

Tiada pengalaman	
1 hingga 5 tahun	
Lebih dari 5 tahun	

11. Lokasi kampus pengajian

UPSI	
IPDA	

Sila berikan respons anda terhadap pernyataan di bawah berdasarkan skala yang disediakan

Skala	Respons
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Neutral
4	Setuju
5	Sangat setuju

Bil	Pernyataan	Skala				
		1	2	3	4	5
1	Rakan sekelas / sekumpulan merupakan kumpulan sosial (sahabat) yang paling penting kepada diri saya	1	2	3	4	5
2	Rakan sekelas / sekumpulan tidak memberikan peluang yang secukupnya kepada saya untuk memperbaiki kebolehan individu saya	1	2	3	4	5
3	Saya tidak berminat untuk terlibat dengan urusan perancangan kumpulan / kelas	1	2	3	4	5

4	Sahabat karib saya terdiri dari rakan sekelas	1	2	3	4	5
5	Saya tidak akan merasa sedih atau kehilangan rakan setelah tamat aktiviti ini	1	2	3	4	5
6	Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kegagalan atau kejayaan kelas / kumpulan kami	1	2	3	4	5
7	Saya berasa gembira apabila melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak disertai oleh rakan sekelas / sekumpulan saya	1	2	3	4	5
8	Saya tidak berpuas hati dengan komitmen rakan sekelas / sekumpulan dalam melakukan sesuatu tugas	1	2	3	4	5
9	Kami bersatu-padu dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh kelas / kumpulan	1	2	3	4	5
10	Saya sukar bekerjasama dengan rakan sekelas / sekumpulan	1	2	3	4	5
11	Kebanyakan rakan sekelas / sekumpulan mempunyai aspirasi yang bertentangan dengan matlamat kelas / kumpulan	1	2	3	4	5
12	Jika salah seorang dari kami mengalami masalah, semua rakan sekelas / kumpulan akan berusaha membantunya	1	2	3	4	5
13	Tiada komunikasi berkesan di antara rakan sekelas / sekumpulan saya	1	2	3	4	5
14	Saya suka menghabiskan masa bersama rakan sekelas / sekumpulan di luar waktu kuliah / perkhemahan	1	2	3	4	5
15	Sukar untuk kami sekelas / sekumpulan mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan sesuatu masalah	1	2	3	4	5
16	Aktiviti perkhemahan dapat merapatkan hubungan saya dengan rakan sekelas	1	2	3	4	5
17	Rakan sekelas / sekumpulan saya lebih gemar menjalankan aktiviti secara individu dari berkumpulan	1	2	3	4	5
18	Saya dapat mengenali rakan sekelas saya dengan lebih rapat lagi melalui kem orientasi ini	1	2	3	4	5
19	Aktiviti perkhemahan kerap menimbulkan krisis berpanjangan di antara rakan sekelas / sekumpulan	1	2	3	4	5
20	Aktiviti perkhemahan dapat membina rasa bangga terhadap kelas / kumpulan	1	2	3	4	5

21	Saya telah mengingat hampir keseluruhan nama rakan sekelas saya	1	2	3	4	5
22	Saya rela berkongsi alatan dan makanan dengan rakan yang berlainan bangsa atau agama	1	2	3	4	5
23	Aktiviti perkhemahan tidak dapat mengeratkan hubungan antara pelajar dan pensyarah	1	2	3	4	5
24	Minat belajar dapat dibangunkan melalui aktiviti perkhemahan	1	2	3	4	5
25	Tiada perbezaan di antara kesan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah	1	2	3	4	5
26	Rakan sekelas / sekumpulan mengambil berat terhadap kebajikan saya	1	2	3	4	5
27	Sukar untuk saya bergaul dengan rakan sepengajian yang menuntut di kampus lain (cth: UPSI atau IPDA)	1	2	3	4	5
28	Sesi minum petang atau makan tengahari sewaktu berkhemah membolehkan saya beramah mesra dengan rakan	1	2	3	4	5
29	Saya kurang sensitif terhadap keperluan rakan lain yang berlainan agama atau bangsa	1	2	3	4	5
30	Saya gagal mengingati kebanyakan nama pensyarah di jabatan saya	1	2	3	4	5

LAMPIRAN C
TENTATIF PROGRAM KEM ORENTASI

**TENTATIF PROGRAM KEM ORENTASI PENDIDIKAN LUAR DI PERLOK
12 HINGGA 14 JUN 2004.**

12 JUN 2004	
MASA	PROGRAM
3.00	Bertolak dari UPSI ke Kem Perlok.
4.15	Taklimat ringkas
4.30	Orentasi kem
6.00	Persiapan diri
8.30	Makan malam
9.30	LDK 1
11.45	Minum malam
13 JUN 2004	
6.00	Persiapan diri
7.00	Fajar murni
7.30	Sarapan pagi
8.00	Aktiviti 1: Kump: A -Trekking / Tubing Kump B -Team building Kump C - Orentearing
12.00	Makan tengahari
2.00	Aktiviti 2: Kump. A - Team building Kump. B - Orentearing Kump. C - Trekking / Tubing
6.00	Persiapan diri
8.00	Makan malam
8.45	Refleksi dan LDK 2
11.45	Minum malam

14 Jun 2004

6.00	Persiapan diri
7.00	Fajar Murni
7.30	Sarapan Pagi
8.00	Aktiviti 3: Kump. A - Team building Kump. B - Trekking / Tubing Kump. C - Orentearing
12.45	Makan tengahari
2.00	Taklimat ringkas
3.00	Berkemas balik ke UPSI